MODUL PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

KANDUNGAN

1.0 PANDUAN PELAKSANAAN 1

1.1 TAJUK 1

1.2 TUJUAN 1

1.3 KONSEP 1

1.4 OBJEKTIF 2

1.5 TATACARA PELAKSANAAN PROGRAM 2

1.6 FOKUS PROGRAM 2

1.7 PESERTA 3

1.8 TARIKH/MASA 3

1.9 JAWATANKUASA INDUK 3

1.10 JAWATANKUASA PELAKSANA 4

1.11 KEWANGAN 4

1.12 PROSEDUR PELAKSANAAN PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH 5

1.13 PROSEDUR PELAKSANAAN PROGRAM JATI DIRI 6

1.14 PENUTUP 7

2.0 CARTA ALIR 8

3.0 SENARAI SEMAK 9

4.0 MODUL 10

4.1 MODUL KEMBALI KE SEKOLAH 10

4.1.1 LDK 1 - LERAI BEDUNGAN 11

4.1.2 LDK 2 - KENALI DIRI 12

4.1.3 LDK 3 - PENGHARGAAN DIRI 13

4.1.4 LDK 4 - PERKEMBANGAN DIRI 14

4.1.5 PENUTUP PROGRAM PSDM KEMBALI KE SEKOLAH – 15

FOKUS PONTENG SEKOLAH 15

4.2 MODUL JATI DIRI 16

4.2.1 LDK 1 – LERAI BEDUNGAN 17

4.2.2 LDK 2 – KENALI DIRI 18

4.2.3 LDK 3 – PENGHARGAAN DIRI 19

4.2.4 LDK 4 – PERKEMBANGAN DIRI 20

4.2.5 PENUTUP PROGRAM PSDM JATI DIRI – FOKUS GEJALA SEKSUAL 21

5.0 PENILAIAN 22

5.1 PENILAIAN 22

5.2 PENERANGAN INSTRUMEN UJIAN PRA/POS 22

PPSDM - MODUL KEMBALI KE SEKOLAH 22

5.3 PENERANGAN INSTRUMEN UJIAN PRA/POS 23

PPSDM – MODUL JATI DIRI 23

5.4 PENERANGAN INSTRUMEN PEMANTAUAN TINGKAH LAKU 24

6.0 LAPORAN 25

7.0 LAMPIRAN 25

1.0 PANDUAN PELAKSANAAN

1.1 TAJUK

PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID (PPSDM)

1.2 TUJUAN

Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid (PPSDM) dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada murid-murid yang telah melakukan kesalahan disiplin untuk melakukan perubahan sikap dan tingkahlaku bagi membangunkan potensi diri secara menyeluruh.

1.3 KONSEP

1.3.1 Pembangunan Sahsiah Diri Murid membawa maksud **keyakinan membangun diri** merangkumi kepercayaan tentang nilai positif dan negatif diri, emosi dan maruah yang boleh dibentuk sesuai dengan norma masyarakat. Justeru, program ini dirancang untuk membantu murid-murid sasaran **mengenali diri, Penghargaan Diri dan membina matlamat diri.**

1.3.2 Program ini dilaksanakan **secara berfokus** dengan menjadikan **kemahiran insaniah** sebagai elemen penting yang dipraktikkan untuk mengurus murid.

1.3.3 Murid **merupakan aset penting masa depan negara** yang perlu diberi perhatian, dijaga, dibimbing, dihargai kewujudannya, disayangi setiap masa dan boleh dibangunkan potensi mereka.

1.3.4 Murid perlu diberi **bimbingan yang berterusan** untuk melakukan perubahan terhadap tingkahlaku ke arah yang lebih positif.

1.4 OBJEKTIF

Objektif Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid;

1.4.1 Membangunkan potensi diri murid

1.4.2 Meningkatkan disiplin diri murid

1.4.3 Mengubah tingkahlaku murid menjadi lebih baik

1.4.4 Meningkatkan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan murid

1.5 TATACARA PELAKSANAAN PROGRAM

Program dilaksanakan secara berfokus di peringkat sekolah dan PPD mengikut tatacara berikut:

1.5.1 Murid rujukan Guru Displin.

1.5.2 Murid mengikuti 3 sesi kaunseling individu di sekolah

1.5.3 Murid diberi Ujian Pra Program PSDM oleh Guru Kaunseling di sekolah

1.5.4 Murid mengikuti Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid selama satu hari di PPD, diiringi oleh Guru Disiplin

1.5.5 Murid mengikuti 3 sesi kaunseling individu di sekolah selepas mengikuti program PSDM

1.5.6 Murid diberi Ujian Pos Program PSDM oleh Guru Kaunseling di sekolah

1.5.7 Murid dipantau perkembangannya oleh Guru Disiplin di sekolah

1.5.8 Pemantauan perkembangan diri murid dibuat oleh Guru Disiplin

1.5.9 Laporan dihantar ke PPD/JPN/KPM

1.6 FOKUS PROGRAM

Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid berfokus kepada:

1.6.1 Program Kembali Ke Sekolah (Fokus Ponteng Sekolah)

1.6.2 Program Jati Diri (Fokus Gejala Seksual)

1.7 PESERTA

Peserta bagi Program PSDM

1.7.1 Program Kembali ke Sekolah

- 80 orang peserta (40 lelaki dan 40 perempuan)
- Murid Tingkatan 1 – Tingkatan 5

1.7.2 Program Jati Diri

- 80 orang peserta (40 lelaki dan 40 perempuan)
- Murid Tingkatan 1 – Tingkatan 5

1.8 TARIKH/MASA

Program dilaksanakan serentak di seluruh negara selama satu hari di peringkat PPD mulai jam 8.00 pagi sehingga 4.30 petang. Tarikh pelaksanaan mengikut ketetapan berikut :

1.8.1 12 JUN 2012 (Selasa) Program Kembali ke Sekolah

1.8.2 19 JUN 2012 (Selasa) Program Jati Diri

1.9 JAWATANKUASA INDUK

Pengerusi	:	Dato' Haji Mazlan B. Mohamad Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Naib Pengerusi	:	Tuan Haji Aminuddin B. Adam Timbalan Pengarah (Murid) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Setiausaha	:	Encik Mohd Fuzi B. Haji Mohd Nor Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin
Naib Setiausaha	:	Encik Ab. Rahim B. Othman Ketua Unit Kaunseling
Bendahari	:	Cik Siti Hasmah Bt. Ahmad Dahlan Ketua Unit Disiplin

Ahli Jawatankuasa :

1. Pengarah JPN Perlis
2. Pengarah JPN Kedah
3. Pengarah JPN Pulau Pinang
4. Pengarah JPN Perak
5. Pengarah JPN Selangor
6. Pengarah JPN Negeri Sembilan
7. Pengarah JPN Melaka
8. Pengarah JPN Johor
9. Pengarah JPN Pahang
10. Pengarah JPN Kelantan
11. Pengarah JPN Terengganu
12. Pengarah JPN Sarawak
13. Pengarah JPN Sabah
14. Pengarah JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
15. Pengarah JPN Wilayah Persekutuan Putrajaya
16. Pengarah JPN Wilayah Persekutuan Labuan

1.10 JAWATANKUASA PELAKSANA

Pengerusi	:	Pegawai Pelajaran Daerah
Naib Pengerusi	:	Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah
Setiausaha	:	Penolong Pegawai Pelajaran Daerah (HEM)
Naib Setiausaha	:	Penolong Pegawai Pelajaran Daerah (Bimbingan & Kaunseling dan Kerjaya Murid)
Bendahari	:	Penyelia Disiplin & PPDa
Ahli Jawatankuasa	:	1. Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa 2. Guru Disiplin

1.11 KEWANGAN

Peruntukan kewangan disediakan oleh KPM bagi setiap PPD dengan anggaran seperti berikut:

1.11.1 Program Kembali Ke Sekolah

RM20.00 X 80 orang peserta = RM 1 600.00

1.11.2 Program Jati Diri

RM20.00 X 80 orang peserta = RM 1 600.00

1.12 PROSEDUR PELAKSANAAN PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH (FOKUS PONTENG SEKOLAH)

Tentatif Pelaksanaan Program

TARIKH/MASA	AKTIVITI	TEMPAT	PERSONALIA
12 JUN 2012 (Selasa) 8.00 pagi	✓ Ketibaan peserta disambut dengan mesra . - Bersalaman dengan mesra - Peserta disematkan tag kumpulan - peserta disajikan minuman - Peserta dibawa ke dewan	Cth. Foyer bangunan sekolah	GBKSM
8.30 pagi	✓ **LDK 1 : Lerai Bedungan** - **Modul Sepatuku** - Pada akhir sesi peserta dibahagi kepada kumpulan mengikut tag yang dipakai. - Peserta diserahkan kepada GBKSM yang bertanggungjawab bagi setiap kumpulan. - Setiap kumpulan mengandungi 05 orang peserta	Dewan program	GBKSM
9.00 pagi	✓ **LDK 2 : Kenali Diri** - **Modul Projeksi Diri** - Suaikenal kelompok - GBKSM menstruktur kelompok - GBKSM melaksanakan aktiviti projeksi dalam kelompok - Peserta menjawab Inventori Minat Belajar (IMB) - GBKSM mentadbir inventori - GBKSM membimbing peserta kelompok berdasarkan pentafsiran inventori	Tempat kelompok	GBKSM
10.30 pagi	Minum Pagi	Kafetaria	
11.00 pagi	✓ **LDK 3 : Penghargaan Diri** - **Modul Air Dalam Kaca**	Tempat kelompok	GBKSM
1.00 t.h	Makan tengah hari	Kafetaria	
1.30 t.h	✓ **Solat Zohor** - Aktiviti Tazkirah/Sesi Renungan - Aktiviti Cahaya Insan (Bukan Muslim)	Surau/ Dewan	GBKSM
2.30 t.h	✓ **LDK 4 : Perkembangan Diri** - **Modul Tolong Ingatkan Aku** ✓ **PENUTUP** - ***Self Talk***	Tempat Kelompok	GBKSM
4.30 petang	Bersurai		

*LAGU - 1MALAYSIA (LIM KOK WING UNIVERSITY)
*LAGU TEMA - GEMURUH (FAIZAL TAHIR)

1.13 PROSEDUR PELAKSANAAN PROGRAM JATI DIRI

(FOKUS GEJALA SEKSUAL)

Tentatif Pelaksanaan Program

TARIKH/ MASA	AKTIVITI	TEMPAT	PERSONALIA
19 JUN 2012 (Selasa) 8.00 pagi	✓ Ketibaan peserta disambut dengan mesra . - bersalaman dengan mesra - peserta disematkan tag kumpulan - peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut jantina - peserta disajikan minuman - peserta diberikan sampul surat yang berisi duit fotostat - Peserta dibawa ke dewan	Cth : Foyer bangunan sekolah	GBKSM
8.30 pagi	✓ **LDK 1 : Lerai Bedungan** - **Modul Duit Oh Duit** - Pada akhir sesi peserta dibahagi kepada kumpulan mengikut tag yang dipakai. Peserta diserahkan kepada GBKSM yang bertanggungjawab bagi setiap kumpulan. Setiap kumpulan mengandungi 05 orang peserta	Dewan	GBKSM
9.00 pagi	✓ **LDK 2 : Kenali Diri** - **Modul Fitrah Diri** - Suaikenal kelompok - GBKSM menstruktur kelompok - Peserta menjawab Inventori Personaliti Warna (IPW) - GBKSM mentadbir inventori - GBKSM membimbing peserta kelompok berdasarkan pentafsiran inventori - Peserta menjawab Inventori Gaya Bercinta (IGB) - GBKSM mentadbir inventori - GBKSM membimbing peserta kelompok berdasarkan pentafsiran inventori	Tempat kelompok	GBKSM
10.30 pagi	Minum Pagi	Kafetaria	
11.00 pagi	✓ **LDK 3 : Penghargaan Diri** - **Modul Kotak Supernova**	Tempat kelompok	GBKSM
1.00 t.h	Makan tengah hari	Cafetaria	
1.30 t.h	✓ **Solat Zohor** - Aktiviti Tazkirah/Sesi Renungan - Aktiviti Cahaya Insan (Bukan Muslim)	Surau Dewan	GBKSM

2.30 t.h	✓ **LDK 4 : Perkembangan Diri** **Modul Tangga Kehidupan** ✓ **PENUTUP** **Dunia Baru**	Tempat Kelompok	GBKSM
4.30 petang	Bersurai		

*LAGU - 1MALAYSIA (LIM KOK WING UNIVERSITY)
*LAGU TEMA - TANYA SAMA POKOK (MUH & HAZAMA) / AWAN NANO (HAFIZ AF)

1.14 PENUTUP

Usaha yang berterusan daripada Unit Bimbingan dan Kaunseling dan Unit Disiplin sekolah dalam membangunkan potensi diri murid dalam Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid adalah langkah yang tepat untuk membantu mengawal masalah disiplin yang dilakukan oleh murid-murid di sekolah. Gerakan bersepadu ini perlu mendapat sokongan semua pihak dalam pelaksanaannya agar impak yang positif dapat dilihat di akhir program nanti.

2.0 CARTA ALIR

3.0 SENARAI SEMAK

SENARAI SEMAK PPSDM

1. Profil Murid ☐
2. Ujian Pra ☐
3. Sesi Kaunseling Individu
   - Sesi Kaunseling 1 ☐
   - Sesi Kaunseling 2 ☐
   - Sesi Kaunseling 3 ☐
4. Mengikuti Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PSDM) Peringkat PPD ☐
5. Sesi Kaunseling Individu
   - Sesi Kaunseling 4 ☐
   - Sesi Kaunseling 5 ☐
   - Sesi Kaunseling 6 ☐
6. Ujian Pos ☐
7. Pemantauan Oleh Guru Disiplin ☐
8. Laporan PPD/ JPN /KPM ☐

*Diisi oleh guru disiplin

4.0 MODUL

4.1 MODUL KEMBALI KE SEKOLAH



*LAGU PERPADUAN : 1MALAYSIA (LIM KOK WING UNIVERSITY) (Lampiran 2)

* LAGU TEMA – GEMURUH – FAIZAL TAHIR (Lampiran 3)

4.1.1 LDK 1 - LERAI BEDUNGAN

Tajuk : **Sepatuku**

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat:

1. memahami bahawa manusia ada tanggungjawab yang mesti ditunaikan.
2. peserta faham,kehidupan manusia mahukan keselesaan.
3. peserta perlu ambil peluang untuk meneruskan kehidupan.

Sasaran : Murid-murid terlibat dengan ponteng

Masa : 30 minit

Bahan : Tiada

Langkah :

1. Peserta berkumpul dalam satu kumpulan besar.
2. Fasilitator meminta setiap peserta membuka kasut sebelah kanan dan letakkan di tengah bulatan.
3. Fasilitator meminta peserta mengambil kasut peserta lain di tengah bulatan dan memakainya.
4. Dilarang sama sekali mengambil kasut sendiri.
5. Fasilitator meminta peserta memakai kasut yang dipilih sehingga tamat program.
6. Fasilitator membuat sesi rumusan dengan para peserta.

Falsafah :

1. Hidup tidak selalunya indah. Langit tidak selalu cerah. Ambillah peluang ketika indah dan cerah, maka hidup akan lebih terarah.

4.1.2 LDK 2 - KENALI DIRI

Tajuk : **Projeksi Diri**

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat:

1. membuka jalan di alam bawah sedar dan pintu kepada perubahan positif terhadap diri sendiri
2. membantu peserta berkongsi permasalahan dalam pembelajaran, tingkahlaku dan emosi termasuk pada mata kasar atau halus
3. memahami cara untuk mendedahkan keperluan dalaman dan konflik jiwa serta boleh memberi bantuan dalam pencarian resolusi

Sasaran : Murid-murid terlibat dengan ponteng

Masa : 90 minit

Bahan : Kertas A4, pensil warna, Inventori Minat Belajar (Lampiran 4)

Langkah :

1. Peserta berkumpul dalam satu kumpulan kecil
2. Fasilitator mengedarkan pensel warna dan kertas A4 kepada setiap peserta
3. Fasilitator memberi arahan kepada peserta untuk melukis dan mewarna mengikut kehendak masing-masing.
4. Fasilitator meminta setiap peserta menerangkan hasil lukisan mereka.
5. Fasilitator mengedarkan inventori Minat Belajar kepada semua peserta dan diberi masa untuk menjawab.
6. Fasilitator membuat rumusan keseluruhan tentang aktiviti yang telah dijalankan.

Falsafah :

1. *Sharing is caring*

4.1.3 LDK 3 - PENGHARGAAN DIRI

Tajuk : **Air Dalam Kaca**

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat:

1. menanamkan rasa tanggungjawab di dalam kumpulan.
2. mewujudkan semangat kerjasama di kalangan ahli
3. mengambil berat tentang peranan masing-masing.

Sasaran : Murid-murid terlibat dengan ponteng

Masa : 30 minit

Bahan : Kertas A4 dan gelas kaca

Langkah :

1. Peserta berkumpul dalam satu kumpulan kecil dan melantik seorang ketua menjadi pengarah dalam kumpulan.
2. Fasilitator meminta peserta mengisi air dalam cawan dan meletakkan di atas 3 helai kertas.
3. Fasilitator mengarahkan semua peserta memegang menggunakan 2 belah tangan dan mengangkat secara serentak serta bergerak ke hadapan bersama-sama tanpa menumpahkan air.
4. Ketua kumpulan berperanan membuat arahan yang baik bagi memastikan air tidak tumpah dan ahli peserta faham dengan arahan sehingga akhir.
5. Fasilitator membuat sesi rumusan dengan para peserta.

Falsafah :

1. Kerjasama teras kejayaan kumpulan.

4.1.4 LDK 4 - PERKEMBANGAN DIRI

Tajuk : **Tolong Ingatkan Aku**

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat :

1. membina matlamat diri
2. mengetahui kepentingan peluang melanjutkan pelajaran
3. kesedaran bahawa kehadiran ke sekolah membantu peserta mencapai cita-cita.

Sasaran : Murid-murid terlibat dengan ponteng

Masa : 120 minit

Bahan : Kad (Lampiran 5), carta pendidikan lanjutan (Lampiran 6), kertas mahjong, *Double-sided tape*

Langkah :

1. Peserta berkumpul dalam satu kumpulan kecil
2. Fasilitator menerangkan tentang sistem peperiksaan di Malaysia
3. Fasilitator meminta setiap peserta mencabut satu kad di dalam bekas.
4. Peserta diminta menyusun kad di atas kertas mahjong mengikut aliran pendidikan lanjutan di Malaysia selepas SPM.
5. Fasilitator mengedarkan carta pendidikan lanjutan kepada setiap peserta.
6. Fasilitator membuat sesi rumusan dengan para peserta.

Falsafah :

1. Usaha Tangga Kejayaan

4.1.5 PENUTUP PROGRAM PSDM KEMBALI KE SEKOLAH – FOKUS PONTENG SEKOLAH

SELF TALK

Diakhir program;

1. Fasilitator mengedarkan bahan edaran *self talk* (Lampiran 7) kepada peserta.
2. Peserta melafazkan *self talk* beramai-ramai berulang-kali dengan bimbingan fasilitator.
3. Fasilitator merumuskan aktiviti yang dijalankan.
4. Fasilitator mengedarkan Borang Transformasi Diri (Lampiran 8) untuk diisi oleh setiap peserta.
5. Peserta mencatatkan azam yang akan dilaksanakan selepas program
6. Peserta celik akal dan dapat membina tingkahlaku baru yang positif. Kita percaya bahawa semua manusia mahu berubah ke arah kebaikan.
7. Borang transformasi diri hendaklah diserahkan oleh peserta kepada guru kaunseling di sekolah masing-masing untuk susulan sesi kaunseling.
8. Fasilitator menamatkan program dengan meminta semua peserta kelompok bersalam-salaman diiringi dengan kata-kata positif.

4.2 MODUL JATI DIRI



*LAGU PERPADUAN : 1MALAYSIA (LIM KOK WING UNIVERSITY) (Lampiran 2)

* LAGU TEMA – TANYA SAMA POKOK – (HAZAMA/MUH) (Lampiran 10)

* AWAN NANO (HAFIZ AF) (Lampiran 11)

4.2.1 LDK 1 – LERAI BEDUNGAN

Tajuk : **Duit Oh Duit**

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat:

1. menyedari bahawa manusia mempunyai nilai harga diri yang tinggi.
2. memahami bahawa manusia saling memerlukan antara satu sama lain.

Sasaran : Murid-murid terlibat dengan gejala seksual

Masa : 30 minit

Bahan : Contoh duit (Lampiran 12), D*ouble-sided tape* dan sampul surat.

Langkah :

1. Peserta diminta untuk mengeluarkan sambul surat yang telah diberikan semasa pendaftaran.
2. Fasilitator meminta setiap peserta membuka sampul surat yang diberi dan melihat nilai wang diperoleh.
3. Peserta menampal nilai wang tersebut di sebelah kiri dada.
4. Peserta diminta membentuk kumpulan mengikut nilai wang yang diarahkan oleh fasilitator.
5. Semua peserta bergerak membina kumpulan dengan nilai yang dinyatakan.- Contoh : 90 SEN, RM1.45, RM2.83, RM4.92 dan RM5.00
6. Fasilitator membuat sesi rumusan dengan para peserta.

Falsafah :

1. Murid tahu bahawa, sekecil mana pun potensi manusia itu, ia adalah penting sebagai pelengkap kehidupan.

4.2.2 LDK 2 – KENALI DIRI

Tajuk : Fitrah Diri

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat:

1. mengenal pasti karakter diri mereka yang sebenar.
2. celik akal dan mengetahui mengenai kekuatan dan kelemahan dalam diri mereka.
3. menyedari bahawa sifat positif yang ada akan membantu mereka menjadi seorang murid yang mempunyai jati diri yang tinggi.

Sasaran : Murid-murid terlibat dengan gejala seksual

Masa : 90 minit

Bahan : Inventori Personaliti Warna – IPW (Lampiran 13), Inventori Gaya Bercinta – IGB (Lampiran 14)

Langkah :

1. Fasilitator mengedarkan borang Inventori Personaliti Warna kepada setiap peserta dalam kelompok.
2. Peserta diminta menjawab Inventori Personaliti Warna dan kemudian fasilitator mentadbir ujian dalam kelompok dalam tempoh masa 30 minit.
3. Fasilitator membuat interpretasi Inventori Personaliti Warna berdasarkan warna yang diperolehi oleh peserta dalam kelompok.
4. Setelah selesai tafsiran inventori personaliti warna, fasilitator mengedarkan pula Inventori Gaya Bercinta dalam kelompok.
5. Peserta menjawab Inventori Gaya Bercinta dengan ditadbir oleh fasilitator semasa dalam kelompok dalam tempoh masa 30 minit.
6. Fasilitator membuat interpretasi berdasarkan gaya bercinta yang diperolehi peserta dalam kelompok.
7. Fasilitator dan peserta membuat perbincangan dan refleksi dalam kelompok.

Falsafah :

1. Setiap manusia perlu mengenali diri sendiri untuk menjalani kehidupan dengan lebih bermakna dan sempurna.

4.2.3 LDK 3 – PENGHARGAAN DIRI

Tajuk : Kotak Supernova (Cahaya yang menyinari)

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat:

1. mengenalpasti ciri terbaik yang ada pada wajahnya.
2. berkongsi anugerah Tuhan yang dimilikinya.
3. meyakinkan orang lain yang dia adalah insan istimewa.

Masa : 120 minit

Bahan : Kotak dan cermin

Langkah :

1. Peserta membentuk bulatan dalam kumpulan masing-masing.
2. Fasilitator mengedarkan kotak supernova bermula dengan peserta pertama hingga yang terakhir dan merahsiakan apa yang dilihat.
3. Fasilitator meminta setiap peserta berkongsi anugerah Tuhan dengan ahli-ahli kumpulan kelebihan yang terdapat pada wajahnya seperti mulut, mata, alis mata, hidung, bibir dan sebagainya.
4. Setiap peserta diminta meyakinkan peserta yang lain tentang keistimewaan yang ada pada dirinya.
5. Fasilitator membuat rumusan.

Falsafah :

1. Dirimu sangat berharga

4.2.4 LDK 4 – PERKEMBANGAN DIRI

Tajuk : Tangga Kehidupan

Objektif : Diakhir aktiviti ini peserta dapat:

1. merancang kehidupan pada masa hadapan .
2. berkongsi perancangan masa hadapan
3. mencetuskan daya saing untuk mencipta kejayaan

Masa : 120 minit

Bahan : Graf tangga kehidupan (Lampiran 15),

Langkah :

1. Fasilitator mengedarkan graf tangga kehidupan kepada peserta.
2. Peserta diminta mengisi graf kehidupan dalam jangkamasa 15 minit.
3. Peserta melakarkan graf kehidupan untuk tempoh masa 10 tahun kehadapan.
4. Peserta berkongsi hasil graf kehidupan mereka dengan ahli kumpulan.
5. Fasilitator membuat rumusan keseluruhan .

Falsafah :

1. Jika anda gagal merancang anda merancang untuk gagal
2. Perancangan yang baik penentu kejayaan hidup pada masa hadapan.
3. *Dare to say “NO”*

4.2.5 PENUTUP PROGRAM PSDM JATI DIRI – FOKUS GEJALA SEKSUAL

DUNIA BARU

Pada akhir program;

1. Fasilitator mengedarkan Borang Transformasi Diri (Lampiran 8) kepada peserta.
2. Peserta mencatatkan azam yang akan dilaksanakan selepas program
3. Fasilitator mendorong peserta dalam kelompok untuk menasihati ahli kelompok yang lain tentang harapan dan kemahuan mereka untuk berubah menjadi manusia yang lebih baik dan berguna.
4. Peserta celik akal dan dapat membina tingkahlaku baru yang positif. Kita percaya bahawa semua manusia mahu berubah ke arah kebaikan.
5. Borang transformasi diri hendaklah diserahkan oleh peserta kepada guru kaunseling di sekolah masing-masing untuk susulan sesi kaunseling.
6. Fasilitator menamatkan program dengan meminta semua peserta kelompok bersalam-salaman diiringi dengan kata-kata positif.

5.0 PENILAIAN

5.1 PENILAIAN

5.1.1 Terdapat tiga jenis penilaian yang dijalankan di bawah program ini.

5.1.1.1 Ujian Pra,

5.1.1.2 Ujian Pos,

5.1.1.3 Instrumen Pemantauan Tingkah Laku.

5.1.2 Ujian Pra dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling bertujuan untuk mendapatkan maklum awal tentang nilai diri murid.

5.1.3 Ujian Pos dilaksanakan selepas aktiviti Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tingkah laku murid.

5.1.4 Dapatan dari Ujian Pra dan Ujian Pos dibandingkan untuk melihat skor perubahan nilai diri murid.

5.1.5 Skor perubahan nilai diri murid diisi di dalam Borang Dapatan Pra dan Pos.

5.1.6 Instrumen Pemantauan oleh Guru Disiplin adalah bertujuan untuk memantau perubahan sikap murid di sekolah.

5.1.7 Dapatan ini akan dihantar ke Pejabat Pelajaran Daerah untuk dianalisa.

5.2 PENERANGAN INSTRUMEN UJIAN PRA/POS PPSDM - MODUL KEMBALI KE SEKOLAH

5.2.1 Instrumen Kembali Ke Sekolah

5.2.1.1 Ujian Pra (Lampiran 17)

5.2.1.2 Ujian Pos (Lampiran 18)

5.2.2 Instrumen mengandungi 12 item.

5.2.2.1 Item No. 1 hingga 4 mewakili nilai Jati Diri

5.2.2.2 Item No. 5 hingga 8 mewakili nilai Tanggungjawab

5.2.2.3 Item No. 9 hingga 12 mewakili nilai Rasional

5.2.3 Guru Bimbingan Kaunseling boleh memproses skor bagi mendapat maklumat nilai, namun hanya Skor Keseluruhan yang diambil kira.

5.2.4 Skor keseluruhan ialah 60.

5.2.5 Skor keseluruhan Modul Kembali Ke Sekolah

SKOR		PENERANGAN
0 - 20	RENDAH	Mempunyai kurang jati diri Tidak bertanggungjawab Nilai rasional yang rendah
21 - 40	SEDERHANA	Mempunyai jati diri yang sederhana Bertanggungjawab Mempunyai nilai rasional yang sederhana
41 - 60	TINGGI	Mempunyai jati diri yang tinggi Sangat bertanggungjawab Nilai rasional yang tinggi

5.3 PENERANGAN INSTRUMEN UJIAN PRA/POS PPSDM – MODUL JATI DIRI

5.3.1 Instrumen Kembali Ke Sekolah

5.3.1.1 Ujian Pra (Lampiran 19)

5.3.1.2 Ujian Pos (Lampiran 20)

5.3.2 Instrumen mengandungi 12 item.

5.3.2.1 Item No. 1 hingga 4 mewakili nilai Jati Diri

5.3.2.2 Item No. 5 hingga 8 mewakili nilai Tanggungjawab

5.3.2.3 Item No. 9 hingga 12 mewakili nilai Harga Diri

5.3.3 Guru Bimbingan Kaunseling boleh memproses skor bagi mendapat maklumat nilai, namun hanya Skor Keseluruhan yang diambil kira.

5.3.4 Skor keseluruhan ialah 60.

5.3.5 Skor keseluruhan Modul jati Diri

SKOR		PENERANGAN
0 - 20	RENDAH	Mempunyai kurang jati diri Tidak bertanggungjawab Nilai harga diri yang rendah
21 - 40	SEDERHANA	Mempunyai jati diri yang sederhana Bertanggungjawab Mempunyai harga diri yang sederhana
41 - 60	TINGGI	Mempunyai jati diri yang tinggi Sangat bertanggungjawab Nilai harga diri yang tinggi

5.4 PENERANGAN INSTRUMEN PEMANTAUAN TINGKAH LAKU

5.4.1 Guru disiplin dikehendaki memantau murid tersebut menggunakan instrumen yang disediakan

5.4.2 Instrumen ini mengandungi 10 item terdiri daripada soalan YA/TIDAK berkaitan tingkahlaku murid yang perlu dianalisa menggunakan skor perubahan tingkahlaku seperti di bawah..

5.4.3 Skor keseluruhan Instrumen Pemantauan Tingkah Laku;

SKOR		PENERANGAN
0 - 3	RENDAH	Murid tidak menunjukkan inisiatif untuk berubah
4 - 6	SEDERHANA	Murid menunjukkan perubahan yang sederhana tentang tingkahlaku
7 - 10	TINGGI	Murid menunjukkan jati diri, bertanggung jawab, nilai harga diri dan rasional yang tinggi

6.0 LAPORAN

6.1 Laporan Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid akan dibuat oleh guru disiplin setelah selesai murid menjalani kesemua proses dan aktiviti.

6.2 Laporan untuk Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid - Kembali Ke Sekolah (Fokus Ponteng Sekolah) hendaklah menggunakan BORANG PPSDM/KKS/FPS (Lampiran 22)

6.3 Laporan untuk Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid – Jati Diri (Fokus Gejala Seksual) hendaklah menggunakan BORANG PPSDM/JD/FGS (Lampiran 23)

6.4 Laporan yang disediakan hendaklah dihantar ke Pejabat Pelajaran Daerah untuk dibuat laporan di peringkat daerah seterusnya dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

LAMPIRAN

Lampiran 1

PROFIL MURID PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID

NO DAFTAR SEKOLAH

GAMBAR

NAMA MURID

NO K/P

JANTINA L P **KAUM** M C I LL

AGAMA I B H K LL

ALAMAT RUMAH

TELEFON (R)

(HP)

NAMA BAPA / PENJAGA

PEKERJAAN

TELEFON (HP)

NAMA IBU / PENJAGA

PEKERJAAN

TELEFON (HP)

Lampiran 2

1MALAYSIA

1 Dunia kian berubah
Perubahan melingkari
Melaksana hasrat hati
Kejayaan terbukti

2 Dunia yang megah
Dengan misi yang gagah
Kerana perpaduan
Kita masih bersama

Chorus

3 Kita satu bangsa, Kita satu Negara
Kita satu matlamat, oooo
Kita satu bangsa, satu Negara
Kita satu Malaysia

4 Bermulanya sekarang
Perjalanan dilaksana
Seia sekata sehati dan sejiwa

5 Membina masa hadapan
Menuju kejayaan
Kita semua rakyat Malaysia
Harmoni, saling menghormati

Chorus x2

6 Kita satu bangsa, Kita satu Negara
Kita satu matlamat, oooo
Kita satu bangsa, satu Negara
Kita satu Malaysia

Penyanyi : Ronnie, Ernie & Lim Kok Wing Koir
Lagu : Anuar Razak
Penulis lirik : Anuar Razak

Lampiran 3

LIRIK GEMURUH

1 Bila bertalu rentak dikalbu
Hasrat yang tersirat semakin kuburu
Bila bergema laungan gempita
Harapan bernyala nadiku berganda

2 Gemuruh jiwa semangat membara
Dari puncak ingin ke angkasa
Berkalungkan bintang berkelipan
Menyerlah jauh dari yang biasa

3 Bila bertalu rentak dikalbu
Hasrat yang tersirat semakin kuburu
Bila bergema laungan gempita
Harapan bernyala nadiku berganda

4 Gemuruh jiwa semangat membara
Dari puncak ingin ke angkasa
Berkalungkan bintang berkelipan
Menyerlah jauh dari yang biasa

Ungkapan ini bukan sekadar bermimpi
Segalanya pasti kan terbukti nanti

5 Gemuruh jiwa semangat membara
Dari puncak ingin ke angkasa
Berkalungkan bintang berkelipan
Menyerlah jauh dari yang biasa

6 Gemuruh jiwa semangat membara
Dari puncak ingin ke angkasa
Berkalungkan bintang berkelipan
Menyerlah jauh dari yang biasa
Menyerlah jauh dari yang biasa

Penyanyi : Faizal Tahir

Lampiran 4

INVENTORI MINAT BELAJAR

Arahan : Sila tandakan (/) pada item berikut sama ada pada ruangan (Y) bagi ya (bertepatan pada pagi diri anda) atau ruangan (T) bagi tidak (tidak bertepatan dengan diri anda.

BIL	PERNYATAAN (ITEM)	Y	T
1	Saya bangun pada pukul 5.00 pagi setiap hari		
2	Saya seronok pergi ke sekolah		
3	Saya datang 20 minit lebih awal sebelum sekolah bermula setiap hari		
4	Saya pulang 30 minit lebih lewat selepas tamat masa persekolahan setiap hari		
5	Saya membaca akhbar setiap hari		
6	Saya membaca sekurang-kurangnya sebuah novel setiap bulan		
7	Saya membaca sekurang-kurangnya 2 buah majalah akademik (seperti Dewan Pelajar, Dewan siswa, Kuntum, Pintar dan Lain-Lain) setiap bulan		
8	Saya selalu menonton berita tv pada pukul 8.00 malam ataupun mendengar		
9	Saya menelaah buku-buku pelajaran 2 jam setiap malam sebelum tidur		
10	Saya suka pada semua kawan yang sedarjah dengan saya. Kepada kawan yang lebih pandai daripada saya, lagi saya suka		
11	Saya suka kepada semua guru. Saya tidak segan berjumpa mereka apabila saya ada masalah berkaitan dengan pelajaran		
12	Saya suka semua mata pelajaran		
13	Saya cemburu melihat kawan-kawan mendapat markah yang tinggi bagi setiap ujian atau pemeriksaan		
14	Saya minum segelas susu atau minuman bersusu setiap hari		
15	Saya berasa tidak senang duduk selagi kerja rumah yang diberi oleh guru belum lagi disiapkan		
16	Saya rasa perjuangan belajar tidaklah seberat perjuangan tentera di perbatasan atau di medan perang		
17	Saya Insaf dan sedar bahawa keluarga dan mangsa menaruh harapan yang tinggi pada saya		
18	Saya tidak kecewa dengan gelagat kawan-kawan yang suka menyindir atau memperli dengan kata-kata yang menyakitkan hati kerana terlalu komited (menumpu sepenuh usaha dan perhatian) dengan perjuangan belajar. Misalnya mereka berkata "Jangan ganggu professor kita, dia nak universiti", Kaki bodek cikgu", "Ulat buku" dan sebagainya. Sebenarnya di dalam hati saya senang dengan kata-kata itu.		
19	Saya rasa guru yang suka marah-marah dan berleter-leter apabila saya tidak menyiapkan kerja sekolah adalah guru yang baik dan dihormati.		
20	Dalam diam-diam saya berazam "Aku akan kejutkan kawan-kawan dan guru-guruku. Aku lebih baik daripada apa yang mereka sangkakan		
JUMLAH SKOR			

Pengiraan Skor dan Prestasi Belajar

Kira jumlah jawapan

a. Bilangan Ya x 5 = _____
b. Bilangan Tidak x 2 = _____

Skema Prestasi Belajar

Cemerlang : 79 – 100
Anda pelajar yang unggul (ideal). Anda adalah pelajar yang matang dan dewasa. Anda berjiwa kental. Lulus dengan cemerlang sudah pasti berada dalam genggaman anda. Masa depan anda bagai bulan purnama yang dipagari bintang bergemelapan. Mengekalkan usaha dan tabiat belajar sedia ada menjadi jalan anda menuju kejayaan bertambah terang benderang.

Amat baik : 65 – 78
Anda pelajar dinamik. Anda sanggup menghadapi cabaran perjuangan belajar. Anda bakal memperolehi kejayaan yang cemerlang. Apabila anda dapat mengekalkan tabiat belajar anda, sudah pasti kejayaan menanti anda dengan senyuman.

Baik : 51 – 64
Anda boleh lulus peperiksaan. Sifat-sifat positif ada dalam diri anda. Tetapi awas anda boleh terjerumus sekiranya anda tidak berhati-hati. Anda perlu memperbaiki mana-mana kelemahan diri sebelum terlambat.

Sederhana : 41 – 50
Kelulusan anda dlam peperiksaan tidak dapat dipastikan. Sifat-sifat positif dan gigih dalam diri anda tidak mencukupi. Anda perlu berjumpa guru kaunseling bagi memulihkan semangat belajar anda. Segera bertindak sebelum anda terlambat. Jangan tunggu sehingga nasi menjadi bubur.

Lembab : 37 – 40
Kejayaan tidak dapat diharapkan sekiranya anda berada dalam kategori ini. Anda berjiwa lemah dan tidk sanggup menghadapi cabaran. Anda perlu segera berjumpa guru kaunseling. Jika anda berbuat demikian peluang anda terbuka semula. Kenapa mesti tunggu hingga nasi benar-benar menjadi bubur.

Mengecewakan : bawah 36
Anda pelajar yang berjiwa lemah, tiada disiplin dan cita-cita. Anda hanya perlu menunggu masa untuk berhenti sekolah sahaja. Anda datang ke sekolah kerana terpaksa. Anda perlu berjumpa guru kaunseling setiap hari bagi mendapatkan nasihat. Bagaimanapun kelemahan masih dapat dipulihkan. Sebenarnya, anda masih mempunyai harapan. Jika anda terus berputus asa, orang lain makan nasi dan anda makan air bubur sahaja.

Lampiran 5

CONTOH KAD ALIRAN PENDIDIKAN LANJUTAN

Setiap kotak harus dibesarkan dengan saiz yang bersesuaian bagi memudahkan peserta menampalkannya pada kertas mahjong. Setiap peserta hanya diberi 1 kad sahaja.

SKM	***TING 6***
MATRIKULASI	***A'LEVEL***
ASASI	***SPM***
DIPLOMA	***IJAZAH***
KERJA	***SARJANA***
PHD	

Lampiran 6

CARTA PENDIDIKAN LANJUTAN



Lampiran 7

SELF TALK : AKU MURID HEBAT

Aku seorang murid yang terhebat. Aku hebat… lebih hebat daripada apa yang aku sangkakan. Apa yang orang lain kata terhadap aku semuanya dusta belaka. Aku tahu siapa aku. Aku hebat… hebat… hebat. Aku boleh lakukan apa yang ingin aku lakukan. Siapa kata siapa kata… siapa kata aku tak hebat… siapa kata aku lemah… aku tidak lemah seperti yang mereka katakan… akan aku buktikan kepada sesiapa yang berkata demikian… kerana aku kenal siapa aku… jangan kau berkata apa-apa sebelum kau mengenali diri ini. Aku adalah aku. Aku yang mengenali diri ku. Siapa kau yang ingin menilai diri ku…. Aku bukan murid kaki ponteng. Akan ku pastikan mereka yang mengatakan aku seorang kaki ponteng adalah salah sama sekali… akan ku buktikan pada mereka… aku murid yang bertanggungjawab… aku hebat… hebat… hebat…. Ye…aku seorang murid yang terbaik dan terpilih. Kan ku pastikan mereka yang merendah-rendahkan maruah aku akan terkejut dengan perubahan diriku… tak kan ku izinkan mereka melihat aku gagal…apa yang aku tahu ialah kemenangan untuk diri dan maruah ku… aku hebat… hebat… hebat…. Ye….tidak sia-sia ibu melahirkan aku… aku tidak akan menghampakan ayah dan ibu… ini anak ayah… ini anak ibu… jangan kau sangsikan… aku tidak akan memalukan mu…aku seorang anak terhebat….aku murid yang terhebat. Aku hebat… lebih hebat daripada apa yang aku sangkakan. Apa yang orang lain kata terhadap aku semuanya dusta belaka. Aku tahu siapa aku. Aku hebat… hebat… hebat. Aku boleh lakukan apa yang ingin aku lakukan. Siapa kata siapa kata… siapa kata aku tak hebat… siapa kata aku lemah… siapa kata aku tak boleh datang sekolah ….aku tidak lemah seperti yang mereka katakan… … kerana aku kenal siapa aku… jangan kau berkata apa-apa sebelum kau mengenali diri ku. Aku adalah aku. Aku yang mengenali diri ku. Siapa kau yang ingin menilai diri ku. Aku seorang murid yang rajin . Aku seorang murid yang terhebat. Aku hebat… lebih hebat daripada apa yang aku sangkakan. Apa yang orang lain kata terhadap aku semuanya dusta belaka. Aku tahu siapa aku. Aku hebat… hebat… hebat. Aku boleh lakukan apa yang ingin aku lakukan. Akan ku robekkan sesiapa yang mengatakan aku murid yang lemah. Akan ku hancurkan satu persatu mereka yang mengatakan aku seorang murid yang bodoh…… aku hebat… hebat… hebat…. Yea…aku seorang murid yang terbaik dan terpilih. Siapakah mereka yang merendah-rendahkan maruah aku. Mereka tak kan dapat melihat aku gagal… apa yang aku tahu ialah kemenangan untuk diri dan maruah ku… aku hebat… hebat… hebat…. Ye…tidak sia-sia ibu melahirkan aku… aku tidak akan menghampakan ayah dan ibu… ini anak ayah… ini anak ibu… jangan kau sangsikan… aku tidak akan mensia-siakan harapan ibu dan ayah…….

Lampiran 8

BORANG TRANFORMASI DIRI

Selepas mengikuti program ini saya berazam _____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

YANG BENAR **FASILITATOR**

_____ _____

(**)** **(** **)**

Lampiran 9

Tazkirah Kembali Ke Sekolah

Tanggungjawab Pelajar Terhadap Gurunya

Bagaimana besarnya tanggungjawab guru terhadap murid, begitu jugalah besarnya tanggungjawab murid terhadap gurunya. Jika tidak ada guru, maka tidak ada murid. Guru juga seperti ibu bapa yang patut dihormati dan dipatuhi segala ajarannya yang baik. Jika di rumah anda harus menurut segala perintah dan ajaran ibu bapa dengan taat, tetapi di sekolah anda harus pula mentaati guru dan segala ajarannya harus disematkan di hati.

Seorang murid harus menghargai khidmat nasihat gurunya untuk membimbing mereka ke jalan yang diredhai Allah SWT untuk menuntut ilmu demi bekalan hidup mereka. Jangan sekali-kali membantah atau mencela guru kerana mereka adalah merupakan orang yang sentiasa membimbing anda untuk mencapai cita-cita.

Antara Adab-adab Murid Terhadap Gurunya

1. Memberi hormat ketika guru masuk ke kelas dengan memberi salam kepada guru kelas anda. Jika guru terdahulu memberi salam hendaklah segera dijawab.
2. Tunjukkan muka yang manis ketika menyambut guru masuk ke bilik darjah anda.
3. Perhatikan guru anda dengan tenang dan mula membuka buku untuk pelajaran hari itu jika diperintahkan oleh guru.
4. Tumpukan perhatian ketika guru mengajar. Jika kurang faham bolehlah bertanya kepada guru anda dengan sopan.
5. Catatkan apa yang disampaikan oleh guru jika dia menyuruh anda berbuat demikian.
6. Jangan berkata-kata atau berbual dengan rakan-rakan ketika guru sedang mengajar.
7. Tumpukan perhatian sepenuhnya ketika guru sedang memberi penerangan. Sematkan di hati anda apa yang diajarkan ketika itu.
8. Ucapkan terima kasih kepada guru anda sebaik sahaja guru itu selesai mengajar.

Seorang murid harus peka dengan apa yang disampaikan oleh guru mereka, dengan cara ini anda akan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran anda. Anda jangan

menyalahkan guru anda jika anda kurang faham apa yang diajari oleh guru anda, sebaiknya anda harus banyak bertanya dari banyak merungut untuk mendapatkan kefahaman.
Jika anda ingin menjadi seorang murid / pelajar yang berjaya, anda harus berusaha sendiri untuk mencapai kejayaan itu, jangan cuma berharap pada guru sahaja. Guru hanya boleh mengajar untuk menyampaikan ilmu, sedangkan anda adalah seorang murid yang harus tahu membuat sesuatu untuk mencapai kejayaan itu.

Usaha anda untuk menjadi murid yang berjaya adalah lebih bererti dari hanya mendengar guru mengajar sedangkan anda tidak mengetahui bagaimana untuk memanfaatkan ilmu itu. Kejayaan seorang murid itu bergantung kepada kegigihannya untuk mencapai kejayaan secara berdedikasi.

Seorang murid harus menghormati gurunya sebagaimana dia menghormati ibu bapanya juga. Rasa hormat kepada guru membuatkan anda dapat mengikuti pelajaran dengan baik dan sudah tentu lebih keberkatan ilmu yang anda pelajari itu. Berusaha gigih dengan bimbingan yang betul daripada guru menghasilkan kejayaan yang cemerlang. Doa dan retu Ilahi juga menambahkan keberkatan usaha yang mulia itu.

INGAT!!! Seorang murid itu adalah bakal pemimpin masa hadapan, oleh itu tidak ada sebab anda tidak mahu berusaha untuk terus mencapai kejayaan. Kemajuan sesebuah negara itu bergantung kepada para belia dan remajanya yang rajin berusaha untuk menimba ilmu demi mencapai kejayaan.

Lampiran 10

POKOK

Tersesat malu bertanya
Tak tahu tak tahu ke mana
Terlalu banyak alasannya
Duk terdiam
Menyusur di kaki lima terlihat bayang wajah kelmarin
Tersentuh hati bagai? luruh

[*]
Tanya sama pokok
Apa sebab goyang
Jawab angin yang goncang
Terbang burung terbang
Patah sayap diduga
Seandainya rebah kau masih ada

[**]
Terlalu mahu dan mahu terlupa apa yang belum
Terlalu banyak alasannya
Duduk terdiam
Tak mudah namun tak susah terserah atas pilihan
Tersentuh hati mula luruh

Ulang [*]
Nanana.. nananana..
Nanana.. nananana..
Nanana.. nananana.. na…
Kau masih ada ulang 2x
Kau masih adaaa… ooooooooo!

Ulang [**]
Tanya sama pokok…

Penyanyi : Meet Uncle Hussain ft. Hazama

Lampiran 11

Awan Nano ..

1 Lihat ke arah sana
Serakan warna dan berarakan
Awan pabila terik panas
Segera hadirnya memayungi diri

2 Pabila kau dahaga
Sesegera turun hujan melimpahkan
kasihnya pabila kau katakan
Akulah awan itu yang kau mahu

3 Begitulah awan nano
Setia melindungi diri
Tika panas mencuba
menggores pipi dan bibirmu

4 Begitulah awan nano
Sering saja tak terduga hadir
Dan tak akan tercapai jejarimu
Kasihnya

5 Kasih tiada banding
Setia tiada tara bagaimanapun jua
Awan kekasih sebenarmu sayang
Walaupun tak akan tercapai
jejarimu

6 Lihat diriku ini yang sesekali
pernah kau bagaikan awan
Sehingga tak mungkin terlupa
Berikan belas sedari dulu

7 Sehingga tak mungkin termampu
saksi Setitis pun air matamu
kasihku
Sehingga kau katakan
Akulah awan itu yang kau rindu

8 Akulah awanmu yang sedia
Melindungi dirimu tika panas
mencuba menggores pipi dan
bibirmu

9 Akulah awanmu yang sering kau
rindu
Dan tak terduga hadirmu walau tak
tercapai jejarimu Kasihku
Kasih tiada banding setia tiada tara
Bagaimanapun jua

10 Aku pelindung dirimu sayang
Walaupun tak akan tercapai
jejarimu
Begitulah awan nano
Setia melindungi diri tika panas
mencuba menggores pipi dan
bibirmu

11 Begitulah awan nano
Sering saja tak terduga hadir
Dan tak akan tercapai jejarimu
Kasihku

12 Kasih tiada banding setia tiada tara
Bagaimanapun jua
Aku pelindung dirimu sayang
Walaupun tak akan tercapai
jejarimu

Penyanyi : Hafiz AF
Lagu : M. Nasir
Lirik : Buddhi Hekayat

Lampiran 12

BANK NEGARA MALAYSIA
1 9 9 1
1
SEN

2011
5
SEN
BANK NEGARA MALAYSIA

10
SEN
BANK NEGARA MALAYSIA

20
SEN
BANK NEGARA MALAYSIA

2011
50
SEN
MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
WANG KERTAS INI SAH DIPEDAGANGKAN DENGAN NILAI
1
RM 1
SATU RINGGIT

Lampiran 13

INVENTORI PERSONALITI WARNA

Color Personality Inventory

IPW

Oleh:

SIDEK MOHD NOAH, Ph. D.

et. al

SOAL SELIDIK PERSONALITI WARNA

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Saya cepat menyelesaikan diri dengan situasi baru.		
2.	Saya lebih tua dari umur sebenar saya daripada segi pemikiran.		
3.	Saya mudah mesra bila berhubung dengan orang lain.		
4	Saya adalah dalam golongan orang yang pandai.		
5.	Saya amat selesa dengan pengekalan cara hidup tradisi.		
6.	Saya bersemangat mengikuti subjek yang merangsang minda.		
7.	Saya suka kelihatan berbeza daripada orang lain.		
8.	Saya isikan masa lapang dengan aktiviti luar yang menyeronokkan.		
9.	Saya sangat menghargai kehidupan berkeluarga.		
10.	Saya sentiasa membaca untuk menambah ilmu pengetahuan.		
11.	Saya suka menunjukkan keperibadian saya sebenar dalam semua keadaan.		
12.	Saya suka bergaul dengan semua orang.		
13.	Saya akan melakukan segala kerja secara bersistematik.		
14.	Saya sering bertanya guru mengenai persoalan yang mengganggu minda saya.		
15.	Saya selalu memberi dorongan kepada orang lain untuk melakukan sesuatu pekerjaan.		
16.	Saya tidak gentar dengan sebarang cabaran.		
17.	Saya selesa menghormati pihak berkuasa.		
18.	Guru merupakan orang yang sangat saya hormati.		
19.	Saya senang berinteraksi dengan orang lain.		
20.	Saya seorang yang suka aktiviti perkhemahan.		
21.	Saya mempunyai emosi yang stabil.		
22.	Saya berminat untuk meneroka semua bidang.		
23.	Saya cenderung memilih pekerjaan dalam bidang pendidikan.		
24.	Persaingan adalah baik bagi saya.		
25.	Saya sentiasa patuh kepada peraturan walau di mana saya berada.		
26.	Saya seorang yang sabar.		
27.	Saya amat sesuai melibatkan diri dalam aktiviti menolong orang lain.		
28.	Saya sukakan perkara yang berbentuk amali daripada teori.		
29.	Saya amat menghargai masa.		
30.	Saya suka menganalisis diri sendiri dan orang lain.		
31.	Saya lebih suka melibatkan diri dalam pekerjaan yang ada unsur-unsur kesenian.		
32.	Saya selalu menimbulkan suasana keceriaan ketika tegang.		
33.	Saya sanggup bekerja keras untuk kepentingan organisasi.		

34.	Saya akan berpuas hati setelah kerja disiapkan dengan sempurna.		
35.	Saya berkebolehan untuk menyelami perasaan orang.		
36.	Saya selalu memberikan gerakbalas yang spontan dalam setiap tindakan.		
37.	Saya selesa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.		
38.	Saya suka membincangkan falsafah tentang sesuatu perkara.		
39.	Saya memiliki ciri-ciri seorang pengasuh.		
40.	Saya suka kepada sesuatu yang luar biasa dan mencabar.		
41.	Saya seorang yang suka berjimat cermat.		
42.	Saya sering meminta penjelasan tentang sesuatu persoalan.		
43.	Saya percaya setiap orang mempunyai harga diri.		
44.	Saya sukakan aktiviti yang berbahaya tetapi menyeronokkan.		
45.	Saya tidak suka berpakaian selekeh.		
46.	Saya suka kepada perkara yang memerlukan aktiviti penyelidikan.		
47.	Saya lebih bermotivasi sekiranya diberi dorongan.		
48.	Saya seorang yang kelakar.		
49.	Saya sering kali bersifat konkrit.		
50.	Saya gemar membahaskan sesuatu teori.		
51.	Saya tidak berminat dengan aktiviti yang melibatkan persaingan.		
52.	Saya tidak suka pelajaran yang memerlukan pembacaan yang banyak.		
53.	Saya seorang yang bertanggungjawab.		
54.	Saya mempunyai prinsip hidup yang jelas.		
55.	Saya mahu mendapat kepujian daripada orang lain di atas setiap kejayaan saya.		
56.	Saya suka aktiviti ko-kurikulum yang lasak.		
57.	Saya bersifat keibubapaan.		
58.	Saya cenderung untuk merekacipta sesuatu yang baru.		
59.	Keadaan perbalahan selalu mengganggu emosi saya.		
60.	Saya bosan dengan kerja berstruktur.		
61.	Saya seorang yang mementingkan keharmonian.		
62.	Saya berkebolehan menjalankan sesuatu tugas dengan sempurna.		
63.	Saya seorang pendengar yang baik.		
64.	Saya bosan dengan kerja-kerja yang rigid.		
65.	Saya seorang yang amanah.		
66.	Saya sentiasa bersifat ingin tahu yang tinggi terhadap sesuatu.		
67.	Adakah anda seorang yang mudah menyayangi orang lain.		
68.	Saya bosan dengan kerja yang rutin.		
69.	Saya sentiasa bersedia untuk melakukan sesuatu kerja.		
70.	Saya adalah seorang yang tenang.		

71.	Sekali sekala saya mudah terasa apabila orang lain bercakap mengenai diri saya.		
72.	Saya puas hati dengan kerja yang melibatkan kebebasan.		
73.	Saya selalunya dapat membezakan perkara yang baik dan buruk dalam kehidupan.		
74.	Saya berminat menyertai pertandingan yang mencabar minda.		
75.	Saya tidak gemar menonton cerita yang berunsur keganasan.		
76.	Saya puas hati dengan kerja yang dapat menggunakan koordinasi fizikal.		
77.	Saya berpuas hati kerana dapat menolong seseorang yang memerlukan pertolongan.		
78.	Bagi saya kerja itu adalah suatu permainan.		
79.	Saya mudah rasa bersalah apabila tidak mematuhi nasihat ibu bapa.		
80.	Saya puas hati dengan kerja yang menggunakan alatan.		
81.	Saya selalu memastikan kestabilan dalam suasana pekerjaan.		
82.	Saya seorang yang sangat menyukai tugas yang mencabar.		
83.	Saya mudah memaafkan kesalahan orang lain.		
84.	Saya seorang yang performer semula jadi.		
85.	Saya seorang yang teliti dalam membuat sesuatu pekerjaan.		
86.	Saya suka merekacipta sesuatu model.		
87.	Saya mudah simpati kepada seseorang walaupun ternyata dia bersalah.		
88.	Saya tidak suka dikongkong.		
89.	Saya sentiasa bersifat wajar dalam membuat sebarang keputusan.		
90.	Saya lebih suka meneroka idea-idea baru.		
91.	Saya suka meniru gaya orang lain.		
92.	Saya tidak suka kepada peraturan.		
93.	Saya berkebolehan untuk mengendalikan urusan yang memerlukan perincian.		
94.	Saya berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti berbentuk ilmiah.		
95.	Zaman persekolahan saya begitu membosankan kerana terpaksa mengikut peraturan.		
96.	Pekerjaan tanpa jadual sangat menarik minat saya.		
97.	Saya mahir menyusun atur tempat kerja.		
98.	Saya akan beralih ke projek yang baru setelah menyelesaikan tugas yang lama.		
99.	Saya suka berkhayal tentang masa hadapan.		
100.	Saya suka melakukan kerja tanpa tekanan.		

SOAL SELIDIK PERSONALITI

Borang Jawapan IPW

Arahan:

Soal selidik ini mempunyai 100 item. Bulatkan pilihan (Y) sekiranya anda merasakan item berkenaan selesa atau bersesuaian atau bertepatan dengan diri anda dan bulatkan pilihan (T) jika sebaliknya.

1	5	9	13	17	21	25	29	33	37	41	45	49	53	57	61	65	69	73	77	81	85	89	93	97	Emas
Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	
T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	
2	6	10	14	18	22	26	30	34	38	42	46	50	54	58	62	66	70	74	78	82	86	90	94	98	Hijau
Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	
T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	
3	7	11	15	19	23	27	31	35	39	43	47	51	55	59	63	67	71	75	79	83	87	91	95	99	Biru
Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	
T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	
4	8	12	16	20	24	28	32	36	40	44	48	52	56	60	64	68	72	76	80	84	88	92	96	100	Jingga
Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	
T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	T	

INVENTORI PERSONALITI WARNA

Inventori Personaliti Warna ini adalah inventori mengandungi 100 item yang mempunyai format jawapan 'Ya' atau 'Tidak'. Respons individu kepada item-item yang terkandung dalam alat ukuran ini dikatakan dapat menerangkan ciri-ciri personaliti individu. Inventori Personaliti Warna atau singkatannya IPW mempunyai 4 skala iaitu skala Emas, Hijau, Biru dan Jingga. Alat ukuran ini telah dibina oleh Sidek et. al (1997), semasa pengendalian kursus Penilaian Dalam Kaunseling untuk pelajar Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia, Terengganu.

Inventori Personaliti Warna adalah satu alat ukuran yang dibina bertujuan untuk mengukur atau mengenal pasti ciri-ciri personaliti berasaskan personaliti warna iaitu Emas, Hijau, Biru dan Jingga.

Pentadbiran Inventori Personaliti Warna – IPW

Walaupun masa untuk mengambil ujian ini tidak ditetapkan, namun sebagai panduan ujian ini perlu diselesaikan dalam masa 20 hingga 30 minit. Seelok-eloknya ujian ditadbirkan dalam bilik yang selesa, lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas seperti kerusi dan meja. Selain itu, segala arahan yang disediakan di dalam borang soalan perlu diikuti dan dipatuhi oleh calon yang mengambil ujian.

Pengiraan Skor dan Pembentukan Profil Personaliti Warna – IPW

Pengiraan skor dan pembentukan profil ujian personaliti perlu dibuat dengan teliti dan hati-hati. Untuk itu, sila rujuk cara pengiraan skor seperti yang terkandung Stensil Pemarkahan IPW.

Pentafsiran Profil Inventori Personaliti Warna – IPW

Kesemua skor yang diperolehi seharusnya diteliti dan dibincangkan satu persatu dengan klien anda. Umumnya, setiap individu mempunyai keempat-empat jenis personaliti, namun jenis personaliti yang memperolehi skor tertinggi adalah mewakili personaliti dominant individu. Pentafsiran skor yang diperolehi berhubung dengan trait-trait berkenaan adalah seperti berikut.



Rajah 1: Pentafsiran Khusus Profil IPW
Sumber: Sidek Mohd Noah, 1999.

PERSONALITI EMAS

Ciri-Ciri Umum:

Bersikap keibubapaan, mengikut adat resam, bertanggungjawab, pratikal, waras fikiran, boleh dipercayai, setia, tradisional, konservatif, hidup bersistem dan berperaturan dan menaruh perhatian.

Kata kunci utama ialah Peraturan dan Saya Bertanggungjawab.

Ciri-Ciri Diri Saya:

- Saya perlu mengikut peraturan dan menghormati pihak berkuasa.
- Sangat bertanggungjawab.
- Saya taat, boleh diharap dan sentiasa bersedia.
- Saya tahu apa yang baik dan buruk dalam kehidupan.
- Saya seorang peneliti dan bersifat wajar.
- Saya menghormati masa.
- Mahu dianggap sebagai seorang yang berguna.
- Selain setia, saya juga stabil, ada peraturan dan sistematik.
- Saya menghargai hidup berkeluarga, tradisi dan rumah tangga.
- Selalu mengambil tahu tentang sesuatu.
- Memberi perhatian, bersifat konkrit.
- Bersifat keibubapaan.
- Secara semula jadi, saya suka mengekalkan atau memelihara sesuatu adat resam.
- Saya adalah seorang yang suka menolong.

Ciri-Ciri Saya Di Tempat Kerja:

- Saya menjaga kestabilan dan menyusun atur atau mengorganisasikan tempat kerja.
- Berkebolehan untuk mengendalikan urusan yang perlu perincian.
- Sanggup bekerja keras membuatkan saya selalu dianggap sebagai tulang belakang organisasi.

- Saya percaya bahawa kita mesti bekerja dahulu barulah bermain, walaupun terpaksa bekerja lebih masa untuk menyelesaikan kerja itu.
- Kerja mengikut peraturan, bekerjasama dan mengikut kebiasaan.

Ciri-Ciri Saya Semasa Kanak-Kanak:

- Saya sentiasa mahu mengikut undang-undang dan peraturan sekolah.
- Saya memahami dan menghormati pihak berkuasa.
- Saya rasa selesa dengan rutin pelajaran.
- Saya rasa dapat menyesuaikan diri dengan mudah dalam sistem sekolah.

Personaliti Emas

Personaliti Emas dikatakan bersikap keibubapaan, mengikut adat resam, bertanggungjawb, praktis, waras fikiran, boleh dipercayai, setia, tradisional, konservatif, hidup bersistem, berperaturan dan menaruh perhatian.

PERSONALITI HIJAU

Ciri-Ciri Umum:

Cenderung dan cekap dalam pelbagai lapangan, cenderung mereka cipta, cekap dalam menjalankan tugas dengan sempurna, bersifat ingin mengetahui, memahami konsep, berpengetahuan luas, berdasarkan teori, bijak dan mahir, panjang akal, kompleks, tenang dan sabar, berfalsafah, berprinsip, dan berasaskan logik.

Kata kunci utama ialah Mempunyai Perasaan Ingin Tahu Yang Tinggi.

Ciri-Ciri Diri Saya:

- Saya cenderung dan cekap dalam pelbagai lapangan.
- Saya cenderung untuk mereka cipta sesuatu yang baru.
- Cekap dan berkebolehan menjalankan tugas dengan sempurna.
- Bersifat ingin mengetahui, berminat tentang konsep, gagasan, tanggapan dan idea.
- Mempunyai pengetahuan yang luas berdasarkan teori, inventif, bijak, mahir dan panjang akal
- Mempunyai sikap yang tenang dan sabar, berprinsip dan jujur.
- Mempunyai falsafah dan memerlukan penjelasan dan jawapan.
- Saya mempunyai ciri-ciri analitikal, investigatif dan hipotetikal.

Ciri-Ciri Saya Di Tempat Kerja:

- Saya seorang pemikir konsep yang bebas.
- Bagi saya kerja itu adalah suatu permainan.
- Sering menghadapi cabaran tugas dengan tenang.
- Suka mereka cipta model, meneroka idea, atau membina sistem bagi memenuhi keinginan untuk menonjolkan pembaharuan.
- Apabila saya telah menyempurnakan sesuatu idea, saya suka beralih ke projek lain dan membiarkan orang lain menjaga dan mengendali projek yang lama.

Ciri-Ciri Saya Semasa Kanak-Kanak:

- Saya seperti lebih tua dari umur saya dari segi pemikiran.
- Fokus saya ialah kepada perkara yang paling saya minati, iaitu mendapat pencapaian yang tinggi dalam subjek yang merangsang mental saya.
- Saya tidak sabar dengan kaedah latih-tubi, atau rutin. Saya mungkin menyoal guru atau orang lain.
- Saya fikir adalah perlu untuk menghormati guru sebelum saya boleh belajar daripada mereka.

Personaliti Hijau

Personaliti Hijau pula cenderung dan cekap dalam pelbagai lapangan cenderung mereka cipta, cekap dalam menjalankan tugas dengan sempurna, bersifat ingin tahu, memahami konsep, berpengetahuan luas, berdasarkan teori, bijak dan mahir, panjang akal, kompleks, tenang dan sabar, berfalsafah, berprinsip dan berasaskan logik.

PERSONALITI BIRU

Ciri-Ciri Umum:

Bersifat tulen, perhubungan mesra, mengasihani, bersimpati, unik, berkebolehan mengalami perasaan dan fikiran orang lain, penyayang dan setia, mesra, berseni, orang yang memberi inspirasi, riang, gembira, penuh kasih sayang, bersemangat dan mempunyai perasaan simpati.

Kata kunci utama ialah Romantis serta Sukakan Keharmonian.

Ciri-Ciri Diri Saya:

- Saya mahu merasa unik dan seorang yang tulen.
- Saya seorang yang mudah bersimpati, berperibadi, dan selalu mencari makna dalam kehidupan.
- Saya inginkan perhubungan yang mesra dan mengasihani.
- Ada kebolehan untuk menyelami perasaan dan pemikiran orang lain.
- Bersedia dan sanggup memberi penjelasan untuk memberikan penerangan.
- Mesra, taat, menyayangi dan baik hati.
- Mudah terasa dan lemah lembut.
- Saya suka berkarya dan memberi ilham.
- Saya romantis, bersemangat, gembira dan imaginatif.
- Saya seorang yang puitis.
- Saya seorang yang suka membelai dan membantu orang lain.
- Saya seorang individu romantis yang semula jadi.

Ciri-Ciri Saya Di Tempat Kerja:

- Saya mempunyai dorongan yang kuat untuk mempengaruhi orang lain supaya mereka menikmati hidup yang lebih bermakna.
- Selalunya saya bekerja dalam bidang seni, komunikasi, pendidikan, dan profesion menolong orang lain.
- Saya mahir dalam memberi motivasi dan berinteraksi dengan orang lain.

Ciri-Ciri Saya Semasa Kanak-Kanak:

- Saya sangat imaginatif.
- Agak sukar menyesuaikan diri dalam sistem dan struktur sekolah.
- Saya mahukan pengiktirafan.
- Tidak sukakan perbalahan atau penolakan dalam diri saya.
- Saya sukakan galakan dan bukannya persaingan.
- Saya tidak suka dibanding-bandingkan dengan orang lain.

Personaliti Biru

Personaliti Biru melambangkan individu yang bersifat tulen, mesra, mengasihani, bersimpati, unik, berkebolehan mengalami perasaan dan fikiran orang lain, penyayang, setia, mesra, berseni, orang yang memberi inspirasi, riang, gembira, penuh kasih sayang, bersemangat dan mempunyai perasaan simpati.

PERSONALITI JINGGA

Ciri-Ciri Umum:

Saya seorang yang cergas, pandai menggunakan kesempatan, bersifat spontan, suka kepada pertandingan, tergopoh-gapah tetapi bersemangat, realistik, tidak dipengaruhi oleh sentiment, berfikiran terbuka, gemar pengalaman luar biasa yang berbahaya tetapi menyeronokkan, berani, tabah, bertindak atas desakan fikiran, suka keseronokan, gurau senda, tidak takut dan berkemahiran.

Kata kunci utama ialah Suka Mengembara atau Adventurous.

Ciri-Ciri Diri Saya:

- Bertindak secara spontan, suka berjenaka, pandai dan menawan.
- Menganggap hidup sebagai satu permainan.
- Cergas, giat dan pandai menggunakan kesempatan yang ada.
- Sukakan keseronokan dan sesuatu yang memberangsangkan.
- Sukakan aktiviti yang bercorak persaingan.
- Tabah menghadapi sesuatu dan tidak gentar.
- Kadang kala mengambil tindakan yang tergopoh-gapah, tetapi bersemangat dan boleh menimbulkan kesan yang mendalam.
- Seorang yang realistik, tidak dipengaruhi sentiment dan berfikiran terbuka.
- Gemar kepada pengalaman yang luar biasa iaitu berbahaya tetapi menyeronokkan.

Ciri-Ciri Saya Di Tempat Kerja:

- Sering bosan dan gelisah jika dapat kerja yang berstruktur, rigid dan mengikut rutin.
- Berpuas hati dalam kerja yang memberikan kebebasan, dapat menggunakan koordinasi fizikal, dan alatan.
- Saya seorang *perfomer* yang semula jadi.

Ciri-Ciri Saya Semasa Kanak-Kanak:

- Saya rasa jika dibandingkan dengan pelajar lain, saya menghadapi kesulitan besar untuk menyesuaikan diri dengan rutin sekolah.
- Saya belajar dengan membuat atau mengalami dan bukannya dengan membaca atau mendengar.
- Dalam proses pembelajaran, saya perlukan penglibatan fizikal.
- Dorongan yang kuat untuk saya ialah sifat suka bersaing dan inginkan kegembiraan atau keseronokan.

Personaliti Jingga

Personaliti Jingga menunjukkan individu yang cergas, pandai menggunakan kesempatan, bersifat spontan, suka kepada pertandingan, tergopoh-gapah tetapi bersemangat, realistik, tidak dipengaruhi oleh sentimen, berfikiran terbuka, gemar pengalaman luar biasa yang berbahaya tetapi menyeronokkan, berani, tabah, bertindak atas desakan fikiran, suka berseronokan, gurau senda, tidak takut serta berkemahiran. Kunci utama personaliti Jingga ialah suka mengembara.

Lampiran 14

INVENTORI
GAYA BERCINTA
The Liking Loving Scale

Oleh:

Rosenman, M. F

IGB

Ubahsuai Oleh:

SIDEK MOHD NOAH, Ph.D.

INVENTORI GAYA BERCINTA

IGB

Arahan:

Berikut adalah pernyataan-pernyataan tentang gaya bercinta. Sila baca tiap-tiap pernyataan berikut dengan teliti dan fikirkanlah sejauh mana anda setuju atau tidak dengan pernyataan itu. Anda bebas menjawab semua pernyataan mengikut pandangan dan kaitannya dengan diri anda sendiri. Anda tidak perlu bimbang dengan jawapan yang anda berikan kerana tidak ada jawapan yang betul atau salah. Tandakan (/) pada ruang jawapan yang disediakan mengikut kesesuaian diri anda berasaskan kunci jawapan berikut;

SS	5	Sangat Setuju	TS	2	Tidak Setuju
S	4	Setuju	STS	1	Sangat Tidak Setuju
TP	3	Tidak Pasti			

Bil	Item Pernyataan	5 SS	4 S	3 TP	2 TS	1 STS
1.	Saya tidak menyedari bilakah persahabatan saya telah bertukar kepada perasaan cinta.					
2.	Saya telah tertarik kepadanya pada pertemuan yang pertama.					
3.	Saya cuba menyembunyikan sedikit perasaan cinta saya terhadapnya.					
4.	Adalah lebih baik jika menyintai seseorang yang mempunyai latar belakang yang sama.					
5.	Saya akan menolong kekasih saya sedaya upaya setiap kali dia di dalam kesusahan.					
6.	Perasaan dan fikiran saya terganggu apabila melihat dia berbual dengan teman yang berlainan jantina.					
7.	Sebelum ini, kekasih saya adalah sahabat baik saya.					
8.	Saya cemburu apabila melihat kekasih saya bersama teman lelaki/ wanita lain.					
9.	Saya cuba mengelak kekasih saya mengetahui yang saya mempunyai teman lelaki/ wanita lain.					
10.	Saya akan merancang kehidupan saya sebelum memilih kekasih.					

11.	Saya sanggup berkorban apa sahaja asalkan kekasih saya bahagia.					
12.	Saya merasakan adalah penting bagi kekasih saya mengetahui bahawa saya amat memerlukannya.					
13.	Saya amat mementingkan kejujuran dalam hubungan cinta dengannya.					
14.	Saya sering memberi hadiah/ kad/ bunga kepada kekasih saya untuk meraikan hari-hari tertentu.					
15.	Hingga kini saya tidak pasti sama ada saya benar-benar menyintainya.					
16.	Sikapnya terhadap karier saya juga harus dipertimbangkan.					
17.	Kekasih saya bebas menggunakan barang-barang kepunyaan saya tanpa kebenaran.					
18.	Jika dia tidak mempedulikan saya, saya akan membuat sesuatu untuk mendapatkan perhatiannya.					
19.	Percintaan yang baik datangnya dari persahabatan yang lama.					
20.	Saya sering mengucapkan kata-kata cinta dan sayang kepadanya.					
21.	Saya tidak selesa dan akan menjauhkan diri daripadanya jika dia terlalu bergantung kepada saya.					
22.	Sebelum menjalinkan hubungan dengan lebih serius dengannya, saya akan mengkaji latar belakang hidupnya.					
23.	Walaupun kekasih saya sering menyakiti hati saya, saya tetap menyintainya.					
24.	Sepanjang percintaan saya, saya sukar untuk menumpukan perhatian kepada perkara lain.					
25.	Saya berharap agar dia memahami bahawa saya menyintainya melalui tingkah laku yang saya tunjukkan.					
26.	Saya sering bersama-samanya ke mana sahaja.					
27.	Saya tidak bercita-cita untuk menjadikannya sebagai teman hidup saya.					
28.	Sikapnya terhadap keluarga saya merupakan perkara yang amat penting.					
29.	Saya turut merasa sedih jika melihat kekasih saya bersedih.					
30.	Jika saya putus cinta, saya akan kecewa dan sukar untuk melupakannya.					
31.	Umur bukanlah menjadi penghalang bagi saya untuk menjalin hubungan cinta.					

32.	Saya mencurahkan isi hati saya melalui kad ucapan/ surat.					
33.	Saya mempunyai teman lelaki/ wanita lain selain daripadanya.					
34.	Saya sering membayangkan mempunyai kekasih yang terbaik untuk saya.					
35.	Saya begitu mengambil berat terhadap dirinya tanpa memikirkan tentang diri saya.					
36.	Saya tidak menduga dari perkenalan akhirnya timbul rasa sayang.					
37.	Saya tidak berselera untuk makan jika kekasih saya tiba-tiba menghilangkan dirinya.					
38.	Saya menjalinkan kasih sayang terhadapnya melalui sentuhan-sentuhan.					
39.	Saya seronok berdampingan dengan sesiapa sahaja walaupun saya tidak mempunyai niat untuk berkahwin dengannya.					
40.	Saya tidak menyintai seseorang itu dengan sepenuhnya sekiranya saya tidak mempunyai niat untuk berkahwin dengannya.					
41.	Saya rela memaafkan kekasih saya jika ada kesilapan yang dilakukan terhadap saya.					
42.	Saya rasa dialah segala-galanya untuk saya.					
43.	Saya menyatakan rasa cinta saya kepadanya setelah lama berkenalan.					
44.	Saya mempunyai kegemaran yang sama dengan kekasih saya.					
45.	Saya menyintainya hanya untuk sementara sahaja sebelum saya menemui orang yang lebih sesuai dengan saya.					
46.	Saya tidak boleh dikatakan bercinta sekiranya saya tidak mengambil tahu akan dirinya.					
47.	Saya sentiasa mengembirakan hatinya walaupun saya berada dalam keadaan sedih.					
48.	Hanya dialah orang yang pertama dan terakhir dalam hidup saya.					
49.	Cinta sebenarnya persahabatan yang mendalam, bukannya emosi yang dipaksa.					
50.	Saya amat menghargai setiap pertemuan yang kami lalui.					
51.	Saya dengan mudah dan cepat dapat lupakan cinta yang pernah saya lalui.					
52.	Adalah penting bagi saya menimbulkan perasaan sangsi di hati kekasih saya tentang sejauh mana cintanya terhadap saya.					

53.	Saya bersedia mengorbankan kehendak hati saya asalkan kekasih saya berjaya memperolehi apa yang dihajatinya.					
54.	Jika dia meninggalkan saya, sukar bagi saya mencari penggantinya.					
55.	Jika percintaan kami terputus, saya akan memastikan bahawa dirinya berada dalam keadaan yang menyenangkan.					
56.	Saya berasa amat bimbang apabila menyedari perhubungan kami tidak semesra dahulu.					
57.	Saya lebih rela memutuskan percintaan saya dengannya jika saya bertemu dengan seseorang yang benar-benar memenuhi citarasa saya.					
58.	Hidup bersama, berganding bahu dalam soal rumahtangga dan sama-sama menjaga hubungan merupakan perkara yang sering dibincangkan bersama kekasih saya.					
59.	Jika kekasih saya telah mempunyai anak dengan orang lain, saya rela mendidik, menjaga dan menyayanginya seperti anak saya sendiri.					
60.	Bagi saya hanya dialah satu-satunya untuk saya di dunia ini.					

BORANG JAWAPAN
INVENTORI GAYA BERCINTA – IGB

Nama :		Tarikh :	
No. Kad Pengenalan :		Umur :	

Arahan:
Sila tuliskan nombor yang mewakili jawapan anda dalam ruangan yang disediakan berasaskan kekunci jawapan yang telah disediakan.

STS – Sangat Tidak Setuju (1) TS – Tidak Setuju (2) TP – Tidak Pasti (3)
S – Setuju (4) SS – Sangat Setuju (5)

1.		7.		13.		19.		25.		31.		37.		43.		49.		55.	
2.		8.		14.		20.		26.		32.		38.		44.		50.		56.	
3.		9.		15.		21.		27.		33.		39.		45.		51.		57.	
4.		10.		16.		22.		28.		34.		40.		46.		52.		58.	
5.		11.		17.		23.		29.		35.		41.		47.		53.		59.	
6.		12.		18.		24.		30.		36.		42.		48.		54.		60.	

Untuk Kegunaan Pejabat

G1- PERSAHABATAN	G2 - ROMANTIS	G3 – PERMAINAN	G4 – LOGIKAL	G5 – PENGORBANAN	G6 – KEPUNYAAN

INTERPRETASI PROFIL INVENTORI GAYA BERCINTA

Pentafsiran Umum IGB

Setiap individu akan memperolehi skor dalam keenam-enam skala IGB. Skor tertinggi yang diperolehi dari keenam-enam skala IGB ini menunjukkan gaya percintaan yang dominant untuk diri anda. Berikut adalah makna gaya percintaan yang anda miliki;

☺ **Cinta Persahabatan – Storage**

Gaya ini adalah hasil daripada persahabatan. Cinta pada pengamalnya tidak wujud secara mendadak, tetapi timbul secara perlahan-lahan. Kadang kala orang yang bercinta tidak menyedari yang mereka sudah lama dalam percintaan. Selalunya orang yang memiliki gaya ini akan mempunyai minat yang sama dengan pasangannya. Mereka juga tidak berkeupayaan untuk menyintai seseorang tanpa dikenali secara mendalam dalam jangka masa yang panjang. Sebaliknya, mereka akan mengenali pasangan itu dahulu sebelum wujudnya perasaan cinta.

☺ **Cinta Romantis – Eros**

Gaya percintaan ini merujuk kepada cinta yang wujud hasil daripada tarikan fizikal yang sangat kuat pada pertemuan pertama. Mereka yang memiliki gaya ini mahuan penyatuan dan perpaduan dalam hubungan cinta. Mereka ini seboleh-bolehnya inginkan satu identiti dengan pasangannya. Contohnya, dalam berpakaian dan mempunyai selera makan yang sama. Selalunya tarikan sosial yang menyebabkan pengamal gaya ini tertarik untuk membentuk hubungan. Pengamal gaya percintaan ini memandang cinta sebagai sesuatu yang sangat tinggi nilainya.

☺ **Cinta Permainan - Ludus**

Mereka yang mengamalkan gaya bercinta jenis ini cuba untuk mengurangkan pergantungan dan tanggungjawabnya. Mereka selalunya mempunyai lebih daripada satu pasangan cinta dalam sesuatu sama. Ini adalah kerana adanya dua atau lebih kekasih serentak lebih senang baginya melepaskan tanggungjawab kepada kedua-dua kekasihnya tadi. Mereka yang mengamalkan gaya ini juga selalunya tidak serius dalam bercinta dan tidak mendalam perasaan cintanya, sebaliknya mereka suka memainkan perasaan ataupun membiarkan pasangannya tertanya-tanya apakah perasaan mereka sebenarnya dan berapa

dalamkah penglibatan cinta mereka itu. Pengamal gaya ini juga tidak mempunyai rancangan jangka panjang dalam hubungan cinta, lebih suka membuat hubungan secara mendadak dan tidak teratur. Dengan ini, hubungan mereka jarang sekali mesra terutama daripada segi emosi dengan pasangannya. Ini disebabkan mereka lebih suka bebas dan tidak mahu kebebasannya diganggu oleh sesiapa sahaja termasuklah pasangannya sendiri.

☺ **Cinta Logikal – Pragma**

Gaya logikal merujuk kepada gaya bercinta yang mana individu yang terlibat cuba mencari pasangan yang terbaik untuknya. Ia akan menetapkan ciri-ciri khusus dan cuba mencari pasangan yang sesuai dengan atau mengikut ciri-ciri khusus tersebut. Sekiranya pasangan yang sesuai telah ditemui, sebarang kemungkinan untuk berpisah selalunya akan ditangguh hubungan cintanya sehingga mereka betul-betul merasakan individu yang ditemui itu memenuhi kriteria yang dikehendakinya.

☺ **Cinta Pengorbanan – Agape**

Gaya pengorbanan merujuk kepada mereka yang suka membantu, amat memahami dan pemaaf. Gaya bercinta ini terlalu ekstrim menyebabkan individu terlalu penyabar terhadap objek yang dicintainya. Pengorbanan ini menyebabkan pemikirannya terbatas. Pengamal gaya bercinta ini juga bersikap terbuka kerana ia boleh menerima cinta daripada orang yang berbeza-beza personalitinya. Pengamal gaya percintaan ini akan memberikan cinta dan kasih sayang dengan rela hati tanpa sebarang syarat kepada pasangannya. Pengamal gaya percintaan ini juga sanggup melakukan apa sahaja asalkan orang yang mereka cintai itu bahagia dan selesa, bahkan mereka rela mengenepikan cita-cita ataupun kehendak dirinya sendiri asalkan pasangan mereka berjaya mendapatkan apa yang dikehendakinya.

☺ **Cinta Kepunyaan – Mania**

Gaya ini merujuk kepada pengamal yang memiliki sifat cemburu kerana mementingkan ingin bersama setiap masa. Ia tidak suka kepada perpisahan dan semua aktiviti mahu dilakukan bersama. Individu ini menjadi beban kepada orang lain kerana ia sangat mementingkan diri sendiri. Mereka juga sangat kuat dengan perasaan ingin mengawal, mengongkong dan memiliki dan pada masa yang sama juga mahu merasa dimiliki oleh pasangannya. Oleh itu, mereka ini sentiasa mencurigai kejujuran dan keutuhan cinta pasangan masing-masing.

Lampiran 15

GRAF TANGGA KEHIDUPAN



Lampiran 16

BAHAN TAZKIRAH/CAHAYA INSAN PPSDM

Tazkirah untuk renungan kita bersama:

Akhlak atau budi pekerti mulia ialah tingkah laku serta tutur kata yang luhur. Setiap muslim hendaklah menjaga adab sopan yang telah ditetapkan demi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Adab sopan dapat membezakan di antara manusia dengan haiwan. Penyair arab ada berkata :

"Ketinggian umat bergantung kepada ketinggian akhlak dan adab sopannya. Sebaliknya jika akhlak umat itu runtuh maka runtuhlah umat tersebut."

Dalam kehidupan seorang muslim, ia perlu memelihara adab sopan, akhlak dan nilai-nilai murni, sama ada ketika berada di rumah, di sekolah, atau di mana-mana sahaja. Di rumah, kita merupakan anak dan saudara kepada adik-beradik yang lain. Dalam keadaan ini kita hendaklah patuh dan hormat kepada ibu, ayah dan orang yang lebih dewasa daripada kita.

Pernah wujud di dalam institusi keluarga, ada anak-anak yang tidak patuh dan hormat kepada ibu, ayah serta orang-orang yang lebih tua daripada mereka. Mereka berani membantah cakap ibu dan ayah ketika mereka memberi nasihat dan teguran yang membina.

Sedarkah anda bahawa sikap tersebut merupakan perbuatan menderhakai ibu bapa ? Apakah akibat dan kesannya kepada orang yang menderhakai ibu bapa ? Begitu juga ketika bersama-sama dengan adik-beradik yang lain. Kadang-kadang kita bertengkar dan meninggikan suara tanpa segan silu tanpa merasa malu dengan ayah dan ibu serta jiran. Kita tidak menghiraukan lagi adab sopan dan hak orang lain.

Manakala di sekolah pula, kita sentiasa berhadapan dengan guru-guru serta rakan-rakan. Guru telah banyak mengajar, mendidik dan membimbing kita ke arah kejayaan. Mereka sepatutnya dihormati dan disayangi oleh setiap pelajar. Tetapi hari ini, apa yang berlaku? Ada sesetengah pelajar yang tidak menghormati guru. Mereka menjadi sombong, mereka berani melawan cakap guru, menyakiti hati dan memukul guru.

Tingkah laku mereka ini bertentangan dengan nilai-nilai murni dalam Islam serta nilai kemanusiaan. Akibatnya ilmu yang mereka perolehi tidak mendapat berkat. Lantaran mereka menjadi murid yang ketinggalan dan gagal dalam kehidupan di dunia dan akhirat.

Justeru, sekiranya mereka tidak mengubah sikap dan tingkah laku tersebut, PERCAYALAH !! Mereka akan menjadi pelajar yang bermasalah di sepanjang persekolahan. Mereka akan disisih daripada rakan-rakan serta dikenakan tindakan disiplin seperti dirotan atau dibuang sekolah.

WALLAHU A'LAM…

BAHAN TAZKIRAH/CAHAYA INSAN PPSDM

10 Petua Membina Sikap Positif

Petua 1 : Jangkakan Kejayaan

Hukum minda mengatakan apa yang dijangkakan berkemungkinan besar akan berlaku. Oleh itu, daripada membuang masa menjangkakan kegagalan kenapa tidak jangkakan kejayaan. Sekiranya anda jangkakan kejayaan, fokus anda pastinya hanya kepada cara untuk berjaya. Anda gambarkan hanya nikmat dan erti sebuah kejayaan, maka secara tidak langsung anda akan menggarap sikap positif. Malangnya dalam kehidupan ini kita sering takutkan kegagalan. Cara fikir kita menjurus ke arah itu. Oleh itu yang tergambar di pemikiran kita hanyalah halangan dan rintangan serta kepayahan. Dalam memburu kejayaan anda tidak boleh putus harapan. HARAPAN adalah satu anugerah yang cukup besar Allah berikan kepada manusia.

Manusia biasanya membangun ke tahap yang mereka jangkakan atau yang orang lain jangkakan terhadap mereka. Oleh itu jangkakan kejayaan dalam setiap usaha yang anda lakukan. Kalau anda perlu ubah perancangan untuk mencapai sasaran, maka ubahlah. Pastikan juga anda bertindakbalas secara positif terhadap perkara-perkara yang mungkin membantutkan kejayaan tersebut. Lihat diri anda sebagai seseorang yang pasti

Apabila kita rasakan yang kita tidak punya masa depan, tiada harapan untuk maju, tiada peluang untuk meningkatkan keupayaan maka ia akan menjurus kita kepada satu sikap

Petua 2 : Lakonkan Watak Orang Cemerlang

Tidak dapat dinafikan setiap manusia mempunyai kelemahan dan kekuatannya tersendiri. Sebab itulah untuk berjaya kita mesti mempunyai model ikutan (role model) yang boleh diteladani.

Cuba lihat senario berikut, katakanlah anda sebagai seorang pelajar, telah dipilih untuk berlakon dalam sebuah filem tempatan. Kisahnya berkisar kehidupan pelajar-pelajar sekolah dan anda telah dipilih sebagai pelakon utama. Bayarannya cukup lumayan iaitu RM10,000 dan nama anda juga akan dikenali ramai setelah filem ini ditayangkan. Anda dikehendaki melakonkan watak pelajar cemerlang. Syarat untuk anda kekal sebagai pelakon cuma dua iaitu, yang pertama anda mestilah menjaga disiplin dan masa anda. Maknanya, apabila pergambaran bermula jam 5 petang maka anda mesti berada di lokasi sebelum masa tersebut. Yang keduanya pula, anda mesti menghayati watak pelajar cemerlang sepenuhnya. Sekiranya pengarah tidak berpuas hati dengan anda, dia akan gugurkan nama anda dari senarai pelakon pada bila-bila masa. Pengarah tidak risau sebab anda pelakon baru, satu ditolak berpuluh akan memohon untuk berlakon.

Kalau anda berada dalam situasi di atas, apa tindakan anda? Saya yakin anda akan mula meneliti dan memahami plot filem tersebut bersungguh-sungguh. Anda mula menghafal skrip yang diberikan ayat demi ayat biarpun ketebalannya mencecah ratusan muka surat. Anda akan mula menjiwai dan menghayati watak pelajar cemerlang yang diberikan kepada anda. Anda akan tiru gaya, percakapan dan cara hidup mereka. Pendek kata anda mahu penonton lihat betapa realistiknya lakonan anda. Anda mahu dikenali selepas usaha anda ini. Anda mahukan ganjaran wang RM10,000 yang dijanjikan kepada anda.

Tidakkah anda terfikir betapa beruntungnya kalau anda lakonkan perkara yang serupa setiap hari dalam hidup anda. Kenapa mesti anda bersungguh-sungguh dalam lakonan filem? Tidakkah anda sedar bahawa kita semuanya pelakon di pentas dunia atau di pentas kehidupan. Kenapa tidak lakonkan watak orang cemerlang itu hari ini. Anggapkan seolah-olah anda berhadapan dengan kamera. Kalau anda seorang pelajar, maka bertindaklah seperti pelajar cemerlang di sekolah anda sekarang! Sekiranya anda seorang pekerja, bertindaklah seolah-olah anda pekerja cemerlang sekarang! Mula mengurus masa secara berkesan, melibatkan diri secara aktif, berperibadi mulia seolah-olah anda sememangnya cemerlang. Lakukannya setiap hari dan hasilnya nanti anda akan peroleh apa yang diperoleh oleh pelajar cemerlang lainnya. Lebih malang lagi kalau anda tidak mahu menjadi pelakon itu hari ini maka Allah akan pilih orang lain untuk menggantikan tempat anda. Orang lainlah nanti yang akan berjaya. Mereka akan jadi pemimpin, jurutera, ulama', peguam dan

sebagainya. Orang lain yang akan dikenali dan nama mereka disebut-sebut sebagai orang yang membawa perubahan dalam masyarakat. Orang lain yang akan memperoleh pendapatan bukan sekadar RM10,000 tetapi mungkin lebih tiap-tiap bulan.

Anda tidak punya pilihan lain. Untuk berjaya anda mesti mula berlakon hari ini. Hayati watak orang cemerlang. Berfikirlah, bercakaplah dan bertindaklah seperti mereka yang cemerlang. Lama kelamaan tabiat cemerlang akan sebati dengan kehidupan harian anda. Ia akan menjadi sikap baru anda. Anda akan dapati mereka di sekeliling anda menyedari yang anda kini bersikap positif. Setiap kebaikan yang bakal anda peroleh hasil lakonan positif anda ini membuatkan anda tidak mahu lagi kembali kepada sikap negatif anda sebelum ini. Anda mula memikirkan untuk hidup dalam kelompok dan persekitaran baru. Apa anda tunggu lagi? Lakonkanlah watak orang cemerlang itu sekarang dengan memerhatikan model ikutan anda.

Petua 3 : Ubah Penampilan Diri

Sikap positif terserlah melalui penampilan diri yang positif. Kita mudah mengenali mereka yang bersikap positif melalui percakapannya, pakaiannya, rambutnya, kasutnya, gayanya dan sebagainya. tetapi kita lupa, sebenarnya kita mampu melakukan sebaliknya iaitu membina sikap positif melalui penampilan yang positif. Ambil contoh yang paling mudah, anda telah dijemput ke satu majlis pelancaran oleh seorang rakan. Anda mengenakan baju biasa sahaja dengan berbaju kemeja lengan pendek dan berseluar kasual. Sampai sahaja di sana, anda lihat hampir kesemua mereka yang hadir lengkap berbaju batik atau berkot dan bertali leher. Apa perasaan anda? Saya yakin walau bagaimana positif pun sikap anda, anda pasti rasa bersalah dan rendah diri. Berbeza pula bentuk perasaan anda sekiranya anda hadir dengan pakaian yang rapi, segak, kemas dan bergaya. Anda pasti rasa penuh yakin dan positif. Begitulah besarnya pengaruh penampilan diri dalam membentuk sikap positif dan emosi anda. Cuba fikirkan sejenak bagaimana perasaan anda apabila anda mengenakan baju baru ke pejabat. Anda rasa lebih bersemangat dan yakin. Kemas, bersih dan rapi tidak semestinya berjenama. Tidak salah mempunyai pakaian dan aksesori yang berjenama sekiranya anda mampu tetapi ia bukannya suatu kemestian. Jangan pula seperti kata pepatah 'biar papa asal bergaya'. Anda perlu ingat bahawa pelaburan yang telah anda buat dalam membentuk penampilan diri atau imej yang positif mestilah membawa pulangan yang setimpal atau

berbaloi. Kalau anda melaburkan wang ringgit untuk membentuk imej diri semata-mata untuk bergaya dan menunjuk-nunjuk, maka pelaburan itu merugikan anda. Pelaburan yang dibuat mestilah mampu menjadikan anda lebih positif dan produktif. Sebab itu ramai jurujual profesional mempunyai penampilan diri yang positif. Mereka dilatih untuk berkeadaan sedemikian. Mereka meraih keuntungan dan pendapatan dengan mempunyai penampilan positif. Mereka mempengaruhi pelanggan dengan penampilan diri begitu.

Beberapa perkara yang mesti diperhatikan dalam membentuk penampilan diri:

1. Potongan rambut - Potongan yang sesuai dengan peranan, kemas dan menarik.
2. Pilihan warna dan corak - Pilihan warna yang kena pada tempat dan masa serta 'matching'.
3. Jenis pakaian - Sama ada batik, kasual, sukan, kot dan sebagainya.
4. Kemas dan rapi - Sentiasa digosok rapi.
5. Kasut - Kasut yang sesuai dengan tujuan kehadiran kita di satu-satu tempat.
6. Aksesori - Jam tangan, beg, gelang dan rantai (bagi wanita), haruman dan lain-lain.
7. Jenama - Bukan perkara utama tetapi digalakkan bagi yang mampu.
8. Kesihatan diri - Keceriaan wajah, kelihatan sihat, kuku, kulit dan sebagainya.
9. Gaya - Cara berjalan, bercakap, ketawa dan mimik muka.
10. Senyum - Rahsia utama penampilan diri ialah senyuman yang terukir.

Tuntutan penampilan diri ini berbeza-beza mengikut kedudukan anda dalam masyarakat dan karier yang anda ceburi. Walau siapa anda, sama ada sedar atau tidak anda tetap dinilai oleh manusia lain melalui penampilan diri. Sebab itu permohonan untuk ke satu-satu pekerjaan perlu melalui proses temuduga. Mereka mahu melihat calon-calon secara terus bukan sekadar untuk menguji kebijaksanaan seseorang pemohon tetapi juga untuk melihat penampilan diri yang melambangkan sikap dan peribadi seseorang. Penampilan diri positif perlu dipatuhi oleh semua golongan masyarakat termasuk pelajar, ibu bapa, pekerja, eksekutif, pemimpin dan sebagainya.

Petua 4 : Berkawan Dengan Orang Berjaya

Rasulullah s.a.w sendiri pernah bersabda, "kalau mahu kenal seseorang itu maka kenallah kawan-kawannya". Oleh itu sekiranya anda memilih kawan yang positif, bergaul dengan

mereka yang berjaya, banyak berbincang tentang apa yang mahu dicapai pada masa hadapan; pastinya ia akan mempengaruhi pemikiran dan tindakan harian anda. Pastinya anda turut terdorong untuk mencapai kejayaan dalam hidup anda pula. Mereka yang gagal hanya akan mampu menceritakan kisah-kisah kegagalan mereka sedang mereka yang berjaya pula akan menceritakan kisah-kisah kejayaan mereka.
Untuk berjaya anda perlu berkawan dengan mereka yang telah berjaya. Belajar dari pengalaman dan pengetahuan mereka. Belajar tentang cara mereka membentuk personaliti dalam kalangan masyarakat. Orang yang berjaya selalunya mempunyai personaliti dan karisma yang mengagumkan. Personaliti dan karisma ini bukannya semula jadi sebaliknya mereka berusaha membinanya. Kalau mereka boleh, anda juga boleh melakukannya.

Petua 5 : Dalami Ilmu Kecemerlangan

Semangat ada ketikanya naik dan ada ketikanya luntur. Ada ketikanya kita terlupa tentang matlamat yang dikejar disebabkan oleh pelbagai urusan dan aktiviti lain. Ada ketikanya juga diri terasa malas dan bosan. Semuanya ini adalah lumrah hidup seorang manusia. Untuk mengekalkan semangat dan membina sikap positif maka anda perlulah sentiasa mendalami ilmu kecemerlangan diri. Anda boleh mendalaminya dengan banyak membaca buku-buku motivasi, berbincang dengan rakan-rakan tentang perancangan anda, menghadiri program dan ceramah motivasi. Anda juga perlu mendengar kaset-kaset motivasi dan mendapatkan bahan-bahan daripada internet. Semakin bertambahnya ilmu kecemerlangan diri didada maka semakin positif dan matang fikiran anda.

Petua 6 : Fokus Kepada Apa Yang Anda Mahukan

Anda sering mendengar bahawa sikap positif lahir dari pemikiran yang positif. Namun begitu fahamkah anda apa yang dikatakan fikir positif itu? Dalam hidup kita, kita hanya akan bertindak dan berusaha mengejar apa yang ada dalam fikiran kita. Iaitu apa yang terlintas, Sebagai contoh mari kita lakukan aktiviti yang cukup mudah. Keluarkan sehelai kertas sekarang dan lakarkan suasana di sebuah pantai yang indah permai. Ambillah masa lebih

kurang 5 minit untuk anda menyiapkan lukisan ini. Jangan pedulikan sama ada lakaran itu cantik atau tidak, lakarkan sahaja apa yang tergambar di fikiran anda tentang suasana di pantai.

Baik sekarang saya tanya anda, ada atau tidak lakaran kapalterbang di dalam lukisan itu? Ada atau tidak jeti dari tepi pantai sampai ke tengah laut? Ada atau tidak budak menjual air? Kalau tiada maka kenapa begitu? Jawapannya sebab anda tidak terfikir tentangnya. Atau lebih tepat lagi anda tidak langsung tergambar tentangnya. Oleh itu bolehlah dibuat kesimpulan bahawa kalau kita tidak tergambar akan sesuatu maka kita tidak mungkin dapat menghasilkannya.

Begitulah dari aspek kecemerlangan diri, untuk anda menjadi orang berjaya anda mesti gambarkan diri anda seorang yang berjaya. Anda mesti mampu melihat apa yang mahu dilakukan mulai hari ini untuk menjadi orang berjaya.

- Mulai hari ini aku tidak malas lagi.
- Mulai hari ini aku tidak mahu tinggal solat lagi.
- Aku tidak mahu main-main dalam kelas lagi.
- Aku tidak mahu lawan cakap ibu bapa lagi.

Positifkah anda? Jawapannya ialah tidak! Hasrat anda memang baik tetapi fikiran anda negatif sebab anda fokus kepada apa yang anda tidak mahu. Anda tergambar bagaimana anda main-main dalam pekerjaan. Anda terbayang bagaimana anda melawan cakap ibu bapa, ketua dan sebagainya. Kalaulah ini yang tergambar maka inilah juga yang akan terhasil! Anda menghasilkan sesuatu yang negatif sedangkan hasrat anda baik. Oleh sebab itu anda perlu ubah gambaran minda anda kepada gambaran yang positif dengan mengubah ucapan anda seperti berikut:

- Mulai hari ini aku seorang yang rajin.
- Mulai hari ini aku solat lima waktu.
- Aku akan tumpu pada guru dalam kelas.
- Aku ikut cakap ibu bapa.

Lihat, kata-kata di atas membawa maksud yang sama tetapi dari sudut yang positif. Maka yang tergambar juga adalah gambaran yang positif. Kalau yang positif anda nampak maka positiflah juga tindakannya nanti. Memanglah anda mungkin tidak berubah dengan hanya sekali, dua kali atau sepuluh kali berkata-kata secara positif. Tetapi kalau setiap hari dan beratus-ratus kali anda amalkan dalam hidup anda maka satu hari nanti tanpa anda sedari anda menjadi orang yang positif. Oleh itu ingatlah… fokus kepada apa yang anda mahukan!

Petua 7 : Kejayaan Silam Membarai Diri

Dalam hidup kita ini pasti ada sekali dua kita mencipta kejayaan sama ada kecil atau besar. Waktu kecil dulu mungkin kita pernah tewaskan rakan-rakan dalam suatu permainan dan kita berbangga dengannya. Mungkin juga kita pernah dulunya dipuji atas pencapaiaan, kualiti kerja atau kerajinan kita. Mungkin kita pernah menerima anugerah sebagai pemenang dalam apa jua pertandingan. Mulai hari ini cuba ingatkan kembali sebanyak mungkin kenangan manis ini dan senaraikan dalam diari anda. Setiap kali anda rasa tertekan, negatif, malas, bosan dan sebagainya maka bacalah diari anda ini dan hayati semula saat-saat tersebut. Gambarkan dengan jelas apa yang berlaku ketika itu. Rasakan apa yang anda rasakan ketika itu. Semangat anda akan membara sekiranya anda lakukannya bersungguh-sungguh. Semangat untuk kekal cemerlang ini akan menjana sikap yang positif.
Tidak kira betapa gagalnya anda rasa hidup ini namun pasti pernah sekurang-kuangnya sekali anda pernah dipuji atas kebaikan dan kejayaan silam.

Lakukan perkara berikut, sediakan satu buku kecil dan senaraikan semua kejayaan anda sejak dari dahulu hingga ke hari ini, sama ada kecil atau besar. Kemudian baca dan hayati apa yang anda tulis itu satu persatu, gambarkan keadaan ketika itu, rasakan perasaan anda ketika itu dan dengar apa yang anda dengar ketika itu. Lakukannya dengan penuh kesungguhan dan rasakan satu getaran perasaan yang positif yang mengalir dalam setiap urat nadi anda. Sentiasa kemas kini buku kecil anda ini dengan kejayaan-kejayaan baru. Ia adalah sumber tenaga dan kekuatan anda.Anda mungkin tidak mengingati kesemuanya, tidak mengapa, ambil masa anda. Anda boleh tambah senarai kejayaan anda pada bila-bila

masa sahaja. Satu tabiat yang baik, mulai hari ini rakamkan setiap peristiwa penting dalam hidup anda sama ada melalui gambar atau rakaman video. Setiap kali anda rasa tertekan, anda rasa tidak dihargai, anda rasa putus asa – lihat kembali buku kecil dan rakaman anda ini.

Petua 8 : Saranan Diri Positif

Untuk kekal dalam sikap positif anda perlu saran diri anda dengan katajaya yang merangsang jiwa dan fikiran. Anda juga boleh gunakan petikan mutiara kata daripada ahli ilmu, petikan al-quran serta hadith. Dengan melazimkan hidup anda berpandukan katajaya dan petikan-petikan ini maka ia memberi anda kekuatan untuk menyahut cabaran dan mengatasi segala masalah.Anda juga boleh cipta sendiri katajaya itu, misalnya: “Kalau orang lain boleh.. Aku juga BOLEH!”“Setiap kata-kata pasti akan dikota!” “I’m the best!”“I can do it!”

Jadikan kata-kata ini sebagai sebahagian dari hidup anda. Saran diri anda setiap hari dengan kata-kata ini hingga ia lazim dalam minda anda.

Petua 9 : Soal Diri Dengan Soalan Positif

Dalam sehari anda menyoal beribu-ribu soalan kepada diri anda, daripada soalan yang mudah-mudah hinggalah kepada soalan-soalan yang membentuk masa depan anda. Anda mungkin bertanya soalan-soalan mudah seperti hari ini nak pakai baju apa? Nak makan di mana? Nak keluar denagn siapa? Nak balik pukul berapa? Dan sebagainya. Soalan-soalan ini tidak menjejaskan kehidupan dan peribadi anda. Tetapi ada ketikanya anda menyoal diri dengan soalan-soalan yang boleh memberikan kesan terhadap hidup anda seperti, Nak ambil kursus apa? Nak belajar lama mana? Nak rebut peluang atau tidak? Dan sebagainya. Orang berjaya menyoal diri dengan soalan-soalan yang boleh memajukan dirinya seperti:

- Apa hikmah disebalik ujian Allah ini?
- Apa lagi yang boleh aku buat untuk jadi lebih baik?
- Apa yang belum aku selesaikan lagi?

- Apakah setakat ini sahaja kemampuan diri yang dianugerahkan oleh Allah kepada aku?
- Apakah aku mahu menyerah hanya dengan kegagalan sementara ini?

Semua soalan ini menjadikan anda lebih positif terhadap apa yang berlaku. Soalan yang diajukan akan membina kekuatan dalaman anda. Semakin berkualiti soalan yang dibentuk semakin berkualitilah diri anda.Perbezaan antara seorang insan dengan insan yang lain ialah soalan lazim yang secara konsisten terbit difikiran. Manusia lemah sering mengutuk dan memperkecilkan dirinya sendiri. Mereka mungkin berkata:

- Nak buat macam mana aku ni lemah.
- Engkau lain aku lain.
- Engkau bolehlah aku ni siapa.
- Dah memang nasib aku begini, terima ajer lah..
- Buat berkali-kali pun gagal juga baik tak payah..
- Dah tahu diri tu bodoh buat apa tunjuk pandai.

Soalan yang positif akan:

- Mengubah persepsi dan cara fikir kita
- Mengubah fokus kita
- Memberikan sumber kekuatan baru kepada kita

Petua 10 : Dapatkan Model Ikutan

Model ikutan adalah seseorang yang anda kagum dengan pencapaiannya dan mahu mengikuti jejak langkahnya. Dapatkan beberapa model ikutan terutamanya mereka yang telah berjaya dalam bidang yang anda mahu ceburi. Namun begitu sebagai orang Islam, model ikutan kita yang pertama pastilah Nabi Muhammad S.A.W.

Selain daripada Nabi s.a.w yang lain semuanya ada kelemahan. Malahan kita tidak boleh nafikan bahawa ulamak juga ada kelemahan sebab itu pendapat ulamak secara ijmak lebih

diterima pakai dalam Islam berbanding pendapat hanya seorang ulamak sahaja.

Setelah anda kenal pasti model ikutan anda, cuba dapatkan gambar mereka. Baca juga kisah hidup mereka. Pelajari bagaimana mereka merancang dan bertindak. Cari potongan kata-kata ucapan mereka yang boleh dijadikan panduan hidup. Selami falsafah hidup mereka dan lihat bagaimana mereka mengatasi setiap masalah yang datang dalam hidupnya. Sebab semakin besar kejayaan seseorang itu maka semakin besarlah cabaran serta masalah yang telah mereka hadapi. Kejayaan dan pengorbanan adalah dua perkara yang sering berada ditempat yang sama. Kejayaan bukanlah apa yang kita miliki tetapi apa yang kita pelajari. Siapa kita dipenghujung kehidupan ini jauh lebih penting berbanding apa yang kita perolehi ketika itu.

BAHAN TAZKIRAH/CAHAYA INSAN PPSDM

TIPS UNTUK MENGAWAL EMOSI ANDA

1. Selalu berfikiran positif,dan logik.
2. Selalu menenangkan fikiran daripada diganggu.
3. Selalu memberikan senyuman terhadap orang lain walaupun menerima sebarang respon.
4. membaca petikan, kata-kata, cogankata,peribahasa dan lain yang boleh memotivasikan diri.
5. Sentiasa memaafkan orang lain.
6. Selalu berdoa.
7. Elakkan dari hidup yang sentiasa tertekan.
8. Selalu bersenam.
9. Elakkan dari berucap dengan nada yang tinggi.
10. Mempunyai rehat yang cukup.

Lampiran 17

INSTRUMEN PPSDM/KKS/FPS - PRA

PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID KEMBALI KE SEKOLAH

UJIAN PRA

Sila jawab dengan jujur kenyataan no.1 hingga 12 dengan membulatkan. Mengikut skala berikut:

1. TIDAK SETUJU
2. KURANG SETUJU
3. TIDAK PASTI
4. SETUJU
5. SANGAT SETUJU

BIL	KENYATAAN	SKALA					SKOR
1.	Saya sedar bahawa belajar itu penting.	1	2	3	4	5	
2.	Saya tidak seronok ponteng sekolah.	1	2	3	4	5	
3.	Saya ada hala tuju kehidupan yang jelas	1	2	3	4	5	
4.	Saya mempunyai cita-cita	1	2	3	4	5	
5.	Saya sedar guru itu penting untuk mendidik saya	1	2	3	4	5	
6.	Saya datang ke sekolah kerana kemahuan saya sendiri	1	2	3	4	5	
7.	Saya ponteng kerana belajar tidak berfaedah kepada saya	1	2	3	4	5	
8.	Saya berminat datang ke sekolah untuk belajar	1	2	3	4	5	
9.	Saya mampu menjadi insan yang berjaya	1	2	3	4	5	
10.	Saya dapat menolak ajakan rakan untuk ponteng	1	2	3	4	5	
11	Saya risau sekiranya saya gagal dalam pelajaran	1	2	3	4	5	
12	Saya sedar dengan pelajaran boleh mengubah kehidupan saya	1	2	3	4	5	
	SKOR KESELURUHAN						60

** Ujian ini dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling*

Lampiran 18

INSTRUMEN PPSDM/KKS/FPS - POS

PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID KEMBALI KE SEKOLAH

UJIAN POS

Sila jawab dengan jujur kenyataan no.1 hingga 12 dengan membulatkan. Mengikut skala berikut:

1. TIDAK SETUJU
2. KURANG SETUJU
3. TIDAK PASTI
4. SETUJU
5. SANGAT SETUJU

BIL	KENYATAAN	SKALA					SKOR
1.	Saya sedar bahawa belajar itu penting.	1	2	3	4	5	
2.	Saya tidak seronok ponteng sekolah.	1	2	3	4	5	
3.	Saya ada hala tuju kehidupan yang jelas	1	2	3	4	5	
4.	Saya mempunyai cita-cita	1	2	3	4	5	
5.	Saya sedar guru itu penting untuk mendidik saya	1	2	3	4	5	
6.	Saya datang ke sekolah kerana kemahuan saya sendiri	1	2	3	4	5	
7.	Saya ponteng kerana belajar tidak berfaedah kepada saya	1	2	3	4	5	
8.	Saya berminat datang ke sekolah untuk belajar	1	2	3	4	5	
9.	Saya mampu menjadi insan yang berjaya	1	2	3	4	5	
10.	Saya dapat menolak ajakan rakan untuk ponteng	1	2	3	4	5	
11	Saya risau sekiranya saya gagal dalam pelajaran	1	2	3	4	5	
12	Saya sedar dengan pelajaran boleh mengubah kehidupan saya	1	2	3	4	5	
	SKOR KESELURUHAN						60

** Ujian ini dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling*

Lampiran 19

INSTRUMEN PPSDM/JD/FGS - PRA

PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID
JATI DIRI

UJIAN PRA

Sila jawab dengan jujur kenyataan no.1 hingga 12 dengan membulatkan. Mengikut skala berikut:

1. TIDAK SETUJU
2. KURANG SETUJU
3. TIDAK PASTI
4. SETUJU
5. SANGAT SETUJU

BIL	KENYATAAN	SKALA					SKOR
1.	Saya mengenali diri saya yang sebenar.	1	2	3	4	5	
2.	Saya tahu akan kelebihan diri saya	1	2	3	4	5	
3.	Saya tahu akan kelemahan diri saya	1	2	3	4	5	
4.	Saya tahu sikap positif dapat meningkatkan jati diri saya.	1	2	3	4	5	
5.	Saya menyayangi diri saya.	1	2	3	4	5	
6.	Saya mempunyai hala tuju kehidupan yang jelas	1	2	3	4	5	
7.	Saya mampu merancang kehidupan saya seharian.	1	2	3	4	5	
8.	Saya pasti ibu bapa adalah segalanya	1	2	3	4	5	
9.	Saya yakin nilai harga diri saya tinggi	1	2	3	4	5	
10.	Saya mudah bergaul dengan rakan yang berlainan jantina	1	2	3	4	5	
11	Saya Penghargaan Diri sendiri berbanding orang lain	1	2	3	4	5	
12	Saya mengamalkan gaya hidup yang sihat	1	2	3	4	5	
	SKOR KESELURUHAN						/60

**Ujian ini dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling*

Lampiran 20

INSTRUMEN PPSDM/JD/FGS - POS

PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID
JATI DIRI

UJIAN POS

Sila jawab dengan jujur kenyataan no.1 hingga 12 dengan membulatkan. Mengikut skala berikut:

1. TIDAK SETUJU
2. KURANG SETUJU
3. TIDAK PASTI
4. SETUJU
5. SANGAT SETUJU

BIL	KENYATAAN	SKALA					SKOR
1.	Saya mengenali diri saya yang sebenar.	1	2	3	4	5	
2.	Saya tahu akan kelebihan diri saya	1	2	3	4	5	
3.	Saya tahu akan kelemahan diri saya	1	2	3	4	5	
4.	Saya tahu sikap positif dapat meningkatkan jati diri saya.	1	2	3	4	5	
5.	Saya menyayangi diri saya.	1	2	3	4	5	
6.	Saya mempunyai hala tuju kehidupan yang jelas	1	2	3	4	5	
7.	Saya mampu merancang kehidupan saya seharian.	1	2	3	4	5	
8.	Saya pasti ibu bapa adalah segalanya	1	2	3	4	5	
9.	Saya yakin nilai harga diri saya tinggi	1	2	3	4	5	
10.	Saya mudah bergaul dengan rakan yang berlainan jantina	1	2	3	4	5	
11	Saya Penghargaan Diri sendiri berbanding orang lain	1	2	3	4	5	
12	Saya mengamalkan gaya hidup yang sihat	1	2	3	4	5	
	SKOR KESELURUHAN						/60

**Ujian ini dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling*

Lampiran 21

INSTRUMEN PPSDM/PGD

INSTRUMEN PEMANTAUAN OLEH GURU DISIPLIN

NAMA SEKOLAH	

KES	KEMBALI KE SEKOLAH (PONTENG)		JATI DIRI (SEKSUALITI)	
NAMA MURID				
TINGKATAN				
NAMA GURU DISIPLIN				

BIL	KENYATAAN	TANDAKAN (/)	
		YA	TIDAK
1.	Murid selesa berjumpa dengan guru disiplin.		
2.	Murid faham bahawa perubahan tingkah laku perlu dilakukan.		
3.	Jadual kedatangan murid telah menunjukkan kehadiran yang lebih baik.		
4.	Guru kelas telah memberi respon yang baik terhadap tingkahlaku murid		
5.	Murid melibatkan diri dalam aktiviti sekolah.		
6	Prestasi akademik meningkat berdasarkan ujian dan peperiksaan di dalam sekolah.		
7	Murid mempunyai kemahiran bersosial yang tinggi		
8	Murid telah menunjukkan perubahan tingkah laku positif.		
9	Murid tidak lagi melakukan kesalahan disiplin.		
10	Murid telah mempunyai kemahiran membuat keputusan.		
	Jumlah		

Skor	Perubahan tingkahlaku
0-3	Rendah
4-6	Sederhana
7-10	Tinggi

skor 10 **T/laku**

Selepas mengikuti program didapati murid ini _____

_____

_____

Tandatangan

_____

( )

Lampiran 22

BORANG PPSDM/KKS/FPS

LAPORAN PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID KEMBALI KE SEKOLAH (FOKUS PONTENG SEKOLAH)
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

NAMA SEKOLAH : _____

DAERAH : _____ NEGERI : _____

1. Dapatan Ujian Pra dan Pos (Dilengkapkan oleh Guru Kaunseling)

Bil	Nama	Nilai diri		
		Ujian Pra	Ujian Pos	Perubahan Positif/Negatif

2. Dapatan Instrumen Pemantauan (Dilengkapkan oleh Guru Disiplin)

Bil	Nama	Nilai Diri

3. Maklumat Kehadiran Murid ke Sekolah (Dilengkapkan oleh Guru Disiplin)

Bil	Nama	% kehadiran ke sekolah Jan - Mei	% kehadiran ke sekolah Jun - Sept

Disediakan oleh, Disahkan oleh,

( ) ( )

Guru Disiplin Pengetua

Lampiran 23

BORANG PPSDM/JD/FGS

LAPORAN PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN MURID JATI DIRI (FOKUS GANGUAN SEKSUAL)
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

NAMA SEKOLAH :_____

DAERAH : _____ NEGERI : _____

1. Dapatan Ujian Pra dan Pos (Dilengkapkan oleh Guru Kaunseling)

Bil	Nama	Nilai diri		
		Ujian Pra	Ujian Pos	Perubahan Positif/Negatif

2. Dapatan Instrumen Pemantauan (Dilengkapkan oleh Guru Disiplin)

Bil	Nama	Nilai Diri

Disediakan oleh, Disahkan oleh,

( ) ( )

Guru Disiplin Pengetua

Sekalung Penghargaan buat Pembina Modul PPSDM

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia ingin merakamkan setingi-tingi perhargaan kepada :

Pengarah Pelajaran Selangor
Pengarah Pelajaran Kedah
Pengarah Pelajaran Pulau Pinang
Pengarah Pelajaran Perak
Pengarah Pelajaran Perlis
Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan
Pengarah Pelajaran Melaka
Pengarah Pelajaran Johor
Pengarah Pelajaran Pahang
Pengarah Pelajaran Terengganu
Pengarah Pelajaran Kelantan
Pengarah Pelajaran Sarawak
Pengarah Pelajaran Sabah
Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan
Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya
Pegawai Pelajaran Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat
Penolong Pegawai PPD (Bimbingan & Kaunseling dan Kerjaya Murid), PPD Hulu Langat
Pengetua SMK Jalan 4, Bandar Baru Bangi,
Pengetua SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi
Pengetua SMK Cheras Jaya, Balakong
Pengetua SMK Pandan Jaya, Ampang
Pengetua SMK Taman Seraya, Ampang
Pengetua SMK Saujana Impian, Kajang
Pengetua SMK Perimbun, Cheras

SENARAI NAMA GBKSM HULU LANGAT

Berikut adalah Senarai Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa Hulu Langat yang terlibat dalam proses pembinaan Modul Program Pembangunan Sahsiah Diri dan Disiplin Murid (PPSDM)

BIL	NAMA PESERTA	NAMA SEKOLAH
1	En. Abdul Aziz bin Isa	Penolong PPD (Bimbingan & Kaunseling Dan Kerjaya Murid)
4	En. Md Zahir bin Ahmad	SMK Saujana Impian, Kajang
5	Pn. Zanariah bt Haji Kadir	SMK Jalan 4, Bandar Baru Bangi
2	En. Basarudin bin Bahaman	SMK Pandan Jaya, Ampang
3	Pn. Nor Azita bt Buyong	SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi
6	Pn. Nur Maryani bt Kostari	SMK Cheras Jaya, Cheras
7	Pn. Nur Syahidah Hussain	SMK Perimbun, Cheras
8	En. Ahmad Fauzi bin Mohammad	SMK Taman Seraya, Ampang